



**Kad khusus OKU jejak jangkitan**

MUKA 2

**BookFly2U: Murid 12 tahun peminjam termuda**

MUKA 4

**KEADILAN seru ahli pertahankan negeri**

MUKA 8

**Tindakan tegas jika lindung premis judi**

MUKA 9

# Kompaun RM1,000 minum arak di taman

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Kompaun RM1,000 akan dikenakan terhadap individu yang berdegil tidak mengendahkan larangan minum arak di semua taman awam di negeri ini.

Dato' Menteri Besar berkata tindakan itu diambil selepas tiga bulan kempen kesedaran bagi memastikan mereka peka terhadap larangan yang turut dikuat kuasa terhadap perokok termasuk rokok elektronik.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pemasangan papan tanda, pengedaran risalah dan nasihat dibuat dalam tempoh itu sebelum tindakan tegas dibuat termasuk larangan memasuki kawasan tersebut.

"Kerajaan Negeri tidak mahu tergesa-gesa, biar penduduk diberi nasihat dan pendidikan dahulu. Pada saya, larangan ini amat dinantikan masyarakat," katanya ketika melancarkan Kempen Larangan Meminum Arak dan Menghisap Rokok di Taman Awam di sini pada 9 Ogos.



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (depan, tengah) bersama sebahagian daripada 203 pemilik Rumah Warisan Idaman di Shah Alam pada 6 Ogos. Projek perumahan itu, nama asal Taman Arcadia, terbengkalai selama 21 tahun sebelum Pengerusi Menteri Besar (MBI) memulihkannya mulai 2016. Foto oleh Radin Wazir BERITA DI MUKA 3

**BERSAMBUNG KE MUKA 4**

## TUKAR KEPADA BIL DIGITAL

Tiada Cetakan dan Penghantaran Bil Kertas Bermula **TAHUN 2021**



**Apa perlu anda buat?**

- 1 KEMASKINI**  
IMBAS QR KOD di bil yang anda terima bersama notis ini atau layari [digitalbil.mps.gov.my](http://digitalbil.mps.gov.my) untuk kemaskini profil peribadi dan e-mel anda.
- 2 CABUTAN BERTUAH**  
KEMASKINI SEBELUM 31 OKTOBER 2020 untuk memenangi hadiah menarik dalam cabutan bertuah yang akan diadakan.
- 3 BANTUAN**  
HUBUNGI Jabatan Perbandarajaan (Bahagian Hasil) di 03-6126 5800 untuk pertanyaan atau bantuan pendaftaran.



Imbas Kod QR Untuk Mengemaskini Maklumat Anda

\* Tarikh cabutan dan hadiah cabutan bertuah akan dimaklumkan kemudian. Tertakluk kepada terma dan syarat. Layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my) untuk maklumat lanjut berkaitan penamatan cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran MPS melalui pos.





## MB: Belum tentu sertai PRU

**SHAH ALAM** - Selangor tiada keperluan menyertai pilihan raya umum (PRU) mengejut sebaliknya mahu terus menumpu perhatian membantu rakyat melalui pelan pemulihan ekonomi.

Dato' Menteri Besar, yang juga pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan Negeri, berkata Kerajaan Negeri masih stabil kerana memiliki majoriti dua pertiga di Dewan Negeri Selangor.

"Sudah pasti kita tidak perlukan pilihan raya untuk mengesahkan (status) kerajaan," kata Dato' Seri Amirudin Shari selepas program Keusahawanan Selangor Restart di sini pada 12 Ogos.

"Kita tidak mempunyai majoriti tipis yang boleh dipersoalkan parti lain, berbeza dengan kerajaan persekutuan atau negeri-negeri lain."

Terdapat desas-desus Parlimen dibubar pada tahun ini, sekali gus membuka jalan kepada pilihan raya umum walau negara masih berdepan proses pemulihan akibat Covid-19.

## Fungsi SELangkah dipelbagai

**SHAH ALAM** - Aplikasi jejak jangkitan Covid-19 yang dipelopori Kerajaan Negeri, Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah), akan diperkasakan lagi apabila fungsinya dipelbagaikan.

Dato' Menteri Besar berkata semua data dan operasi kini dikendalikan Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya Selgate Corporation.

"Sebelum ini SELangkah dengan datanya di bawah jaminan Kerajaan Negeri tetapi kini data dan operasinya dikendalikan Selgate," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 12 Ogos.

Beliau sebelum itu menyaksikan perjanjian antara Ketua Pegawai Eksekutif Selgate Corporation Noor Hisham Mohd Ghouth dan pengasas aplikasi berkenaan Dr Helmi Zakariah.

Sehingga Julai lalu, SELangkah digunakan kira-kira 7.3 juta pengguna dan diakses sebanyak 69 juta kali.

## Ada potensi bebas wabak

**SHAH ALAM** - Selangor berupaya bebas daripada Covid-19 meskipun pernah menjadi negeri paling teruk terjejas wabak itu.

Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) berkata ia berdasarkan corak kes jangkitan kebelakangan ini yang merekodkan sifar kes dalam tempoh empat hari berturut-turut dari 3 hingga 6 Ogos lalu.

"Pencapaian ini merupakan prestasi terbaik Selangor dan satu kesungguhan yang menginspirasi dalam perlawanan mengempur wabak," katanya pada 11 Ogos.

Selangor mencatat 11 kali sifar kes Covid-19 sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan pada 10 Jun.

# 1,000 usahawan dibantu ketika PKPB

**SHAH ALAM** - Hijrah Selangor mengagihkan bantuan perniagaan lebih RM11 juta kepada 1,000 peserta yang mendaftar ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Dato' Menteri Besar berkata pendaf-taran mereka sepanjang Jun lalu menjadikan skim pembiayaan mudah berkenaan kini disertai hampir 49,000 usahawan.

"Rekodnya telah jelas dan ada. Banyak yang telah berkembang menjadi usahawan berjaya ke tahap lebih baik.

"Selain daripada bantuan modal, kita juga beri bantuan ilmu dan pengetahuan kepada mereka mengembangkan perniagaan," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika program Keusahawanan Selangor Restart di sini pada 12 Ogos.

Acara tersebut disertai 250 peserta bertujuan membangkitkan kembali semangat usahawan di negeri ini yang terjejas akibat penularan Covid-19.

Pada majlis berkenaan, Amirudin menyampaikan cek cura berjumlah RM11,802 juta kepada Yayasan Hijrah Selangor bagi membantu peserta program tersebut.

## KDNK meningkat kepada 24.2 peratus

# Kekal penyumbang tertinggi hasil negara

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Selangor terus mendahului negeri lain dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019, menyumbang 0.5 peratus lagi kepada 24.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga memaklumkan Selangor antara tujuh negeri yang mencatatkan pertumbuhan lebih pantas daripada kadar pertumbuhan nasional 4.3 peratus tahun lalu.

"Alhamdulillah, Jabatan Perangkaan merekodkan Selangor kekal penyumbang terbesar KDNK dengan 24.2 peratus pada 2019, naik daripada 23.7

peratus pada 2018," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 6 Ogos.

Pertumbuhan ekonomi Selangor sebanyak 6.7 peratus, diikuti Kuala Lumpur (6 peratus), Kelantan (5.3 peratus), Labuan (5.2 peratus), Negeri Sembilan (5.1 peratus), Kedah (4.6 peratus) dan Perlis (4.6 peratus).

Laporan Sosioekonomi Negeri 2019, yang dikeluarkan jabatan berkenaan pada 6 Ogos, merekodkan bilangan siswazah seramai 5.3 juta orang tahun lalu, meningkat 6.9 peratus daripada 4.9 juta orang pada 2018.

"Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 83.5 peratus,

menurun 0.1 mata peratus berbanding 83.6 peratus pada tahun 2018," kata Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Selangor dan Sabah mencatatkan KPTBS tertinggi tahun lalu dengan 86.5 peratus, diikuti Putrajaya (85.9 peratus) dan Sarawak (85.3 peratus).

Tambahnya, laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 menunjukkan Kuala Lumpur mencatatkan pendapatan penengah tertinggi iaitu RM10,549 diikuti Putrajaya (RM9,983) dan Selangor (RM8,210).

Ia diikuti Labuan sebanyak RM6,726, Johor (RM6,427), Pulau Pinang (RM6,169) dan Melaka (RM6,054).

## Kad khas OKU bendung jangkitan

**SHAH ALAM** - Selangor memperkenalkan kad SELangkah (Kad Selamat Melangkah) iaitu sistem pendaftaran masuk bagi orang kelainan upaya (OKU) ke premis perniagaan atau jabatan kerajaan.

Pengerusi Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) Datuk Seri Dr Dzulkafly Ahmad berkata penjaga premis hanya perlu meminta kad untuk mengimbas kod QR sekali gus memudahkan urusan golongan berkenaan.

"Alhamdulillah atas komitmen kami, STFC perkenal SELangkah untuk mencapai UHC (perlindungan kesihatan menyeluruh) dengan memastikan tiada sesiapa ditinggalkan," katanya di Twitter pada 11 Ogos.

Dalam perkembangan sama, laman Facebook SELangkah (Langkah Masuk Dengan Selamat) memaklumkan kad tersebut diberikan secara percuma kepada golongan OKU di Selangor.

"Mereka tidak perlu lagi melakukan proses mengimbas kod QR yang sukar dilakukan terutama melibatkan OKU penglihatan," katanya.

Pada 4 Mei lalu Selangor memperkenalkan aplikasi SELangkah bagi memudahkan proses menjejak kontak jika berlaku jangkitan wabak Covid-19.

Pemilik premis hanya perlu mencetak kod QR melalui portal selangkah.my dan mempamerkannya untuk diimbas pe-



ngunjung.

SELangkah hanya memerlukan maklumat nama dan nombor telefon tanpa mendedahkan data peribadi individu.



**TEGAS...** Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyempurnakan majlis perasmian Kampain Larangan Meminum Arak dan Menghisap Rokok di Taman Awam Peringkat Selangor di Taman Tasik Shah Alam pada 9 Ogos

MBI bantu pulihkan projek terbengkalai

# Penantian 21 tahun 203 pembeli berakhir

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Penantian 203 pembeli Rumah Idaman Warisan di Puncak Alam, Kuala Selangor yang terbengkalai lebih dua dekad berakhir selepas masing-masing menerima kunci pada 6 Ogos.

Bahkan, kediaman itu diberi spesifikasi baru termasuk tambahan bilik air, jubin melebihi piawai asal selain dilengkapi set televisyen, kabinet dapur, penghawa dingin, almari pakaian, pemanas air dan peti sejuk.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berharap pembeli gembira dengan kemudahan berkenaan selepas menunggu sekian lama untuk menduduki rumah berkenaan.

"Saya berharap pemilik memanfaatkan

kemudahan tambahan dan meneruskan kehidupan dengan lebih selesa selepas ini," katanya selepas menyerahkan replika kunci kepada pembeli.

Projek perumahan dua tingkat yang dahulunya dikenali sebagai Taman Arcadia terbengkalai sejak 1999 sebelum diambil alih Pernerbadanan Menteri Besar (MBI) pada September 2016.

Kerja pemuliharaan dijalankan bersama Worldwide Holdings Berhad dan LBS Bina Group Berhad membabitkan kos RM38 juta sebelum siap sepenuhnya akhir tahun lalu.

Amirudin menjelaskan proses pemuliharaan mengambil masa lama berikutan pelbagai aspek teknikal dan undang-undang yang perlu diteliti.

"Selepas melihat pelbagai kaedah dan

bertindak sebagai kerajaan prihatin dengan keadaan sosioekonomi rakyat Selangor, semuanya dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Namun, beliau sedih berikutan kejayaan Kerajaan Negeri memulihkan projek tersebut tidak dapat disaksikan sebahagian pembeli kerana ada antara mereka sudah meninggal dunia.

"Bagaimanapun, saya sedih detik bersejarah ini tidak dapat dirasai semua pembeli kerana ada yang sudah meninggal dunia dan tidak sempat melihat kediaman impian mereka siap tetapi waris dapat berteduh di kediaman tersebut," katanya lagi.

Selangor berjaya menyiapkan 82 daripada 179 projek perumahan dan komersial terbengkalai di negeri ini sejak 2008.

## Terharu dapat kunci rumah

**SHAH ALAM** - Seorang anak tidak dapat menyembunyi kesedihan tatkala mengenang alahyarham bapanya yang tidak sempat mendiami rumah baharu selepas 21 tahun menanti.

Amran Dayat, 36, berkata bapanya Dayat Othman pernah menyuarakan hasrat untuk menduduki teres dua tingkat di Puncak Alam yang dibeli hasil titik peluh keluarganya.

"Sebagai anak saya sangat terkilan sebab ayah tidak sempat duduk di rumah

ini dan adik-beradik juga sudah lama tunggu untuk masuk rumah baharu.

"Tetapi kami (adik-beradik) bersyukur kerana akhirnya dapat juga kunci rumah. Insha-Allah dalam

masa beberapa hari lagi kami dapat tengok rumah yang cantik dilengkapi pelbagai kemudahan," katanya pada 6 Ogos lalu.

Seorang lagi pembeli, Mohd Fauzi Osman, 54, berkata keluarganya terpaksa berpindah



dua kali di sekitar Puncak Alam sementara menanti kediaman tersebut siap.

Dia berdepan pelbagai dugaan dengan menyewa di tempat lain yang jauh dari tempat kerja sekali gus menambah beban kewangan keluarganya.

"Bagaimanapun, saya dan isteri bangga melihat rumah sendiri akhirnya siap sebab kami beli sebelum kahwin lagi. Kami terharu dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menyelesaikan isu ini," katanya.

## Jangan kompromi staf bermasalah

**SHAH ALAM** - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah tidak bertolak ansur dengan kakitangan mereka yang melanggar undang-undang, sebaliknya tindakan tegas harus diambil.

Pada masa sama, Dato' Menteri Besar turut mengingatkan peniaga supaya mematuhi peraturan atau berdepan tindakan tegas jika mereka terus ingkar.

"Saya berharap PBT ambil tindakan tegas kalau benar-benar terdapat sebarang kesalahan dan salah laku (kakitangan), malah kita tidak pernah kompromi.

"Kerajaan Negeri juga tidak putus asa melakukan tindakan penguatkuasaan kerana ia berdasarkan undang-undang," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 12 Ogos.

## Segera jejak kontak kluster Sivagangga

**SHAH ALAM** - Pencarian kontak rapat berkait kluster Sivagangga di Surau Al-Jannah di sini dibuat segera jika ada jemaah positif Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata laporan saringan belum diterima tetapi Jawatankuasa Unit Bencana Negeri memantau perkara tersebut.

"Sekiranya hasil saringan jemaah negatif, maka kita selamat. Sekiranya positif, kita akan jalankan kerja pencarian kontak rapat secepat mungkin.

"Masyarakat kena faham Covid-19 masih ada dan kita perlu sentiasa berhati-hati serta amalkan tatacara operasi piawai bagi mengelak penularan wabak," katanya pada 8 Ogos.

Pada 7 Ogos lalu, Jabatan Agama Islam Selangor mengarahkan Surau Al-Jannah dan Sekolah Kafa Integrasi Al-Jannah di Seksyen 23 ditutup serta-merta susulan seorang jemaah menjadi kontak rapat dengan kluster Sivagangga.

## Pemilik kilang kimia digesa patuh SOP

**SHAH ALAM** - Pemilik kilang berasaskan kimia diingatkan supaya mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) semasa mengendalikan bahan itu bagi mengelak kemalangan maut.

Dato' Menteri Besar berkata pengusaha perlu mengutamakan aspek keselamatan premis masing-masing tanpa bergantung kepada penguatkuasaan Kerajaan Negeri.

"Saya percaya, kesedaran pencegahan bukan hanya dibebankan kepada Kerajaan Negeri tetapi semua pemilik gudang dan kilang harus pastikan SOP dipatuhi ketika proses (pengendalian bahan kimia) di kawasan mereka," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 6 Ogos lalu.

Beliau mengulas tragedi letupan di Beirut, Lubnan pada 4 Ogos lalu hingga mengakibatkan lebih 150 penduduk terkorban manakala ribuan lagi cedera.



DARI MUKA DEPAN

## Jamin keselamatan anak-anak di taman

Amirudin menjelaskan perbuatan itu tidak berleluasa tetapi ada aduan mengenai pelakuan tersebut di beberapa lokasi terutama pada waktu malam.

Beliau juga yakin pelaksanaan kompaun dapat mengurangkan kebimbangan orang ramai khususnya pengunjung berkeluarga terhadap keselamatan anak-anak mereka di taman awam.

Selangor menjadi negeri pertama menguat kuasa larangan minum arak, merokok termasuk rokok elektronik di taman permainan dan rekreasi.

Pada 14 Julai lalu, EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han mengumumkan perbuatan itu disenarai sebagai kesalahan bawah Undang-Undang Kecil Taman 2005 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Beliau berkata Kerajaan Negeri mengangap perkara berkenaan serius berikutan taman awam semakin kerap dikunjungi masyarakat termasuk kanak-kanak dan warga emas.

Penguat kuasa pihak berkuasa tempatan turut diarah membuat pemantauan berkala ke seluruh taman bagi memasti pematuhan larangan tersebut.



## BooksFly2U dapat sambutan masyarakat

# Murid 12 tahun meminjam termuda

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Kanak-kanak 12 tahun menjadi peminjam buku paling muda menerusi program BooksFly2U, kata pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Mastura Muhammad berkata pihaknya tidak menjangka program pinjaman buku secara panggilan telefon itu mendapat reaksi positif daripada golongan kanak-kanak.

"Salah seorang kakitangan PPAS yang mengendalikan proses pinjaman buku ini terkejut apabila ada kanak-kanak yang menghubungi mereka untuk meminjam buku.

"Sejak BooksFly2U dilancarkan, majoriti peminjam golongan dewasa kerana mereka meminjam buku untuk anak-anak, tetapi berbeza kali ini apabila kanak-kanak sendiri yang menghubungi PPAS untuk mendapatkan buku," katanya pada 10 Ogos.

Mengulas lanjut mengenai program berkenaan, Mastura berkata lebih 200 pinjaman dibuat menggunakan khidmat



BooksFly2U menyediakan khidmat penghantaran buku terus ke lokasi peminjam. Gambar dirakamkan di Pustaka Raja Tun Uda pada 10 Ogos

e-panggilan setakat ini.

Katanya, buku bagi kategori fiksyen paling banyak dipinjam dengan novel siri Harry Porter menjadi tumpuan utama.

"Buku ini menjadi pilihan kerana harganya di pasaran agak mahal, oleh sebab itu orang ramai suka untuk meminjamnya dari perpustakaan," katanya.

Melalui BooksFly2U yang dilancarkan pada 16 Julai lalu, peminjam hanya perlu

membuat panggilan telefon atau menghantar pesanan tajuk buku ke nombor 010-8491 448 atau 03-5519 7667.

Dalam tempoh dua hari, petugas perpustakaan akan menghantar menggunakan khidmat e-panggilan.

Kos penghantaran serta pemulangan buku ditanggung oleh peminjam. Buku boleh dipulangkan ke mana-mana cawangan PPAS.

## 39 karya agung sudah diterjemah

**SHAH ALAM** - Sebanyak 39 karya agung diterjemah menerusi Siri Pencerahan Selangor 'Mencambah Karya Agung' sejak 2017 sehingga tahun lalu, kata pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Mastura Muhammad berkata program inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dan PPAS bertujuan mengangkat karya besar dunia termasuk falsafah, agama, sastera dan biografi.

"Sehingga kini 29 judul buku sudah berada di pasaran dan dijual pada kadar berpatutan iaitu RM100 dan ke bawah.

"Antara tajuk yang sudah berada di pasaran ialah Dari Pesantren ke Istana,

Imam di Kota Paris, Riwayat Politik Suharto, Athens dan Kelahiran Demokrasi, Jagat Kehidupan dan Pemikiran Einstein dan Tunas Pemodenan Politik Turki," katanya pada 10 Ogos lalu.

Mastura menyarankan orang ramai mengambil peluang membeli buku terjemahan berkenaan kerana harga asalnya mencecah lebih RM200.

"Tetapi Kerajaan Negeri menawarkan pada harga amat rendah, inisiatif ini dilakukan kerana mahu rakyat Selangor membaca serta memahami isi kandungan yang disampaikan menerusi karya agung ini," katanya.

Pada 21 Ogos 2018, Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan Siri Pencerahan Selangor 'Mencambah Karya Agung' dengan IBDE berperanan menerbitkan dan menterjemahkan karya besar dunia, manakala Nusantara Audiobook menterjemahkan buku cetak ke dalam bentuk digital audio.

Usaha terbabit mula digerakkan sejak 2017 dengan 15 karya diterjemahkan diikuti 14 (2018) dan 10 (tahun lalu).

## Peluang atasi pengangguran

**SHAH ALAM** - Kadar pengangguran di Selangor terkawal, bahkan mencatat penurunan, kata EXCO pembangunan generasi muda.

Mohd Khairuddin Othman berkata seramai 18,000 penganggur direkodkan tetapi ada lebih 20,000 peluang kerja berdasarkan data Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Kerajaan Selangor yakin kadar akan terus turun

dan peluang kerja dapat memenuhi permintaan sekali gus membantu rakyat. Kita akan pastikan kadar penurunan ini berterusan," katanya pada 8 Ogos.

Beliau juga mengajak penganggur untuk menyertai pameran kerjaya hasil inisiatif Kerajaan Selangor melibatkan lebih 200 syarikat yang dijadual berlangsung pada September depan.

## SELANGOR

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT** Lembaga Editorial CCSB

**PENGARANG KUMPULAN** Fathi Aris Omar

**KETUA PENGARANG** Fazallah Pit

**PENGARANG** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG** Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Norzilawati Sidek

### WARTAWAN

**Afix Redzuan** syafiq@mediaselangor.com,

**Nazli Ibrahim** nazli@mediaselangor.com,

**Khairul Azran Hussin** khai@mediaselangor.com

**Nadiah Zamrus** sitinadiah@mediaselangor.com

**Amin Ridzuan Ishak** min.ridzuan@mediaselangor.com

**Norrasyidah Arshad** norrasyidah@mediaselangor.com

**Sheeda Fathil** sheeda@mediaselangor.com

**Zareef Muzammil** zareefmuzammil@mediaselangor.com

**Aliff Fikri** aliff.fikri@mediaselangor.com

**JURUGAMBAR** Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

**GRAFIK & REKA LETAK** Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

### JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN

**Nadhrah Azlan** nadhrah@mediaselangor.com

**Syahir Khadri** syahir@mediaselangor.com

# Sultan berkenan terima zakat perniagaan RM23 juta

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menerima zakat perniagaan sembilan syarikat korporat berjumlah RM22,973,247.69 bagi pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Mereka ialah Tenaga Nasional Berhad (TNB), UMW Holdings Berhad, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Bank Kerjasama Rakyat, Kumpulan Alam Flora Sdn Bhd, Anih Berhad, Padiberas Nasional Berhad, Maybank Islamic Berhad dan Northport (Malaysia) Bhd.

Pembayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2019 didahului TNB yang diwakili Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan sebanyak RM5,389,531.68.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah turut berkenan menyaksikan upacara di Istana Bukit Kayangan pada 6 Ogos lalu.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawir; Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop.

Majlis penyerahan zakat diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid.



Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menerima zakat perniagaan daripada Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Seri Amir Hamzah Azizan di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 6 Ogos

Tahniah dan terima kasih LZS

# Kutipan, agihan berkesan bantu asnaf

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menghantar ucapan tahniah dan terima kasih kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) kerana menguruskan hal ehwal kutipan serta agihan zakat di negeri ini dengan baik.

Sultan Selangor sukacita operasi agensi

itu yang berperanan secara telus dengan agihan zakat dibuat secara berkesan kepada golongan memerlukan setiap tahun.

"Ini termasuk keprihatinan LZS menyalurkan bantuan khas zakat Covid-19 baru-baru ini," titah baginda pada 10 Ogos.

Baginda berharap LZS terus meningkatkan usaha dalam menguruskan perkara berkaitan dengan lebih baik di samping memaklumkan kepada masyarakat

ke mana wang zakat diagihkan.

Sehingga kini, 57,000 keluarga asnaf di Selangor menerima bantuan zakat. Kutipan zakat tahun lalu mencecah RM855 juta dengan agihan mencapai RM868 juta.

LZS mengutip RM341 juta bagi Januari hingga Mei lalu dengan RM337 juta daripadanya diagihkan kepada semua golongan asnaf memerlukan.

# RMS gesa tingkat kemahiran belia

**SUBANG JAYA** - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor bertitah kerjasama antara kerajaan, sektor korporat dan badan bukan kerajaan perlu bagi menyedai belia berkemahiran.

Tengku Amir Shah bertitah langkah berkenaan bagi membolehkan golongan itu menjadi pilihan majikan yang ketika ini teliti memilih pekerja.

"Gunakan peluang cuti sekolah atau semester untuk belajar kemahiran se-

perti komunikasi dan penyampaian. Kita tidak boleh mengharapkan mereka mengetahui segalanya tanpa memberi tunjuk ajar," titah baginda dalam Sesi Dialog 'Selangor Youths Have A Say! - Town Hall Series' pada 5 Ogos.

"Seperti Yayasan Raja Muda Selangor. Kami menyediakan latihan berdasarkan kemahiran selain mempersiapkan mereka untuk berdepan dunia teknologi."

Majlis sama turut dihadiri Menteri Ke-

wangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Tengku Amir Shah turut menyeru belia memanfaatkan peluang bagi meningkatkan kemahiran dalam mendepani cabaran memperoleh peluang pekerjaan.

Terdahulu, perbincangan meja bulat membabitkan wakil badan bukan kerajaan, universiti, agensi kerajaan serta syarikat di Selangor diadakan berhubung cabaran belia ketika ini.

# Pelajar kembali ke asrama 23 Ogos

**SHAH ALAM** - Kerja baik pulih asrama perempuan Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor Kuala Langat yang rosak akibat kebakaran awal bulan ini dilaksanakan selepas laporan forensik Jabatan Kerja Raya (JKR), kata pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Sehubungan itu, Mohd Shahzihan Ahmad berkata 131 pelajar yang terjejas insiden itu dijangka kembali semula ke asrama bagi menjalani pembelajaran selewat-lewatnya pada 23 Ogos ini.

"Mereka perlu kembali ke asrama segera bagi memudahkan proses menghafal al-Quran secara dalam talian yang menggunakan sistem tertentu.

"Kerja baik pulih yang dianggarkan tidak kurang RM300,000 itu perlu dijalankan segera," katanya pada 10 Ogos.

Pada 4 Ogos lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang melawat lokasi memaklumkan sejumlah RM300,000 disumbangkan kepada institusi berkenaan.

Bantuan awal RM2,000 dihulurkan Ahli Dewan Negeri Morib Hasnul Baharuddin untuk kebajikan pelajar.

# Kanak-kanak ikuti program bercerita

**SHAH ALAM** - Program bercerita anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan kerjasama Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) bermula semula 8 Ogos lalu menceritakan kanak-kanak.

Pengarah PPAS Mastura Muhamad berkata acara Riang Ria Dunia Membaca 2020 turut diselenggarakan aktiviti kraf tangan dan permainan mengikut tema penceritaan.



Katanya, sesi bercerita dibuat dalam talian bersama beberapa tadika menggunakan aplikasi siaran langsung Facebook atau Zoom.

"Program ini diadakan semula selepas mendapat sambutan menggalakkan daripada kanak-kanak, ibu bapa dan pencerita yang menyedari keperluan merapatkan jurang membaca antara masyarakat di bandar serta desa.

"Selain memupuk minat dan kesedaran kepentingan membaca, program ini sebagai medium melatih, mengiktiraf serta mengaktifkan jaringan pencerita di peringkat komuniti," katanya.

Program diadakan dua kali sebulan di beberapa lokasi terpilih antaranya termasuklah PPAS Lembah Jaya, PPAS Hulu Bernam, PPAS Kajang dan PPAS Kuala Selangor.



## Dana RM300,000 berdayakan rakyat

**SUBANG JAYA** - Kerajaan Selangor memperuntukkan RM300,000 untuk menganjurkan program memberdaya rakyat dengan memfokuskan golongan berpendapatan rendah (B40).

EXCO pembangunan sosio ekonomi berkata dana disalurkan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pejabat tanah dan daerah (PTD) bagi menjayakan aktiviti bermanfaat kepada masyarakat.



"Program komuniti membantu Kerajaan Selangor capai sasaran tingkatkan sosio-ekonomi sekali gus menjadi asas kepada rakyat menjana pendapatan.

"Saya seru semua PBT atau PTD rancang program memberi pulangan positif kepada rakyat," kata V Ganabatirau pada 11 Ogos.

Terdahulu, beliau merasmikan Pusat Aktiviti Komuniti Berdaya (PAKB) Majlis Perbandaran Subang Jaya di sini.

PAKB yang dilancarkan awal tahun ini melatih golongan B40, orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal dan peniaga kecil dalam bidang masakan serta jahitan.

## Program sasar 3,000 miskin bandar

# 10,000 mohon RiDE

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) menerima 10,000 permohonan meskipun baharu seminggu dibuka pada 1 Ogos lalu, kata EXCO pembangunan generasi muda.

Tidak menyangka program tersebut menerima sambutan sangat menggalak-

kan, Mohd Khairuddin Othman berkata peserta dipilih berdasarkan 'siapa cepat dia dapat'.

"Mereka (yang layak) akan mengikuti kursus kendalian Jabatan Pengangkutan Jalan, polis dan syarikat e-panggilan terlibat mengikut tatacara operasi piawai Kementerian Kesihatan," katanya.

RiDE menyasarkan 3,000 belia miskin bandar mendapat lesen dan menerima latihan khusus dengan peruntukan RM2 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebelum ini berkata program itu membuka peluang pekerjaan buat anak muda melalui kerjasama syarikat e-panggilan.

## Kerja naik taraf parit atasi banjir kilat

**SHAH ALAM** - Kerja naik taraf sistem perparitan di Jalan Industri 9, Kampung Baru Sungai Buloh bakal menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlarutan sejak 15 tahun lalu.

EXCO pembangunan kampung baru berkata projek yang dikendalikan Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan peruntukan RM800,000 dijangka siap bulan depan.

"Kerja naik taraf itu melibatkan pengukuhan tebing dan pembaikan sistem saluran. Malah, saya difahamkan JKR juga akan membersihkan



Sze Han meninjau tapak projek menaik taraf parit di Jalan Industri 9 Kampung Baru Sungai Buloh, Shah Alam pada 10 Ogos

parit tersumbat.

"Projek ini memberi kelegaan kepada kira-kira 10,000 penduduk di kawasan ini," kata Ng Sze Han pada 10 Ogos lalu.

Sementara itu, Ketua Kampung Baru Sungai Buloh, Hoo Sook Wan berterima

kasih kepada Kerajaan Negeri dan JKR kerana cakna dengan masalah tersebut.

"Saya harap penduduk bersabar dan bagi tempoh kepada pihak terlibat siapkan projek ini," katanya.

## 5,941 keluarga Orang Asli dapat manfaat

**SHAH ALAM** - Sebanyak 5,941 keluarga Orang Asli seluruh negeri mendapat manfaat daripada pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin fasa kedua berikutan ancaman Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya sentiasa menitik berat kebajikan golongan itu, malah menganggap mereka antara kelompok penting.

"Jumlah itu membabitkan penduduk suku Temuan, Mahmeri dan lain-lain di 74 kampung.

"Semoga kita tidak lupa setiap kaum memainkan peranan dalam membentuk identiti dan keutuhan semangat Selangor Darul Ehsan," katanya sempena sambutan Hari Orang Asal Sedunia 2020 pada 9 Ogos.

Melalui pakej yang diumumkan 1 April lalu, Selangor memperuntukkan RM297,050 bagi membantu 22,992 Orang Asal.

Bantuan berbentuk barangan keperluan asas termasuklah beras, tepung, gula, susu dan minyak masak.

**CYRIA<sup>18</sup>**  
Kemodenan bertemu gaya hidup

abadheights

Semi-D 3 Tingkat  
35' x 80'  
Tanjung 25' x 30'  
Tanjung 25' x 30'  
(Lantai: 18 unit)

Semi-D 3 Tingkat  
35' x 80'

Gabungan terbaik daripada dua dunia disatukan dalam kediaman moden Cyria. Cyria, kediaman moden semi-D 3 tingkat menyerlahkan rekaan yang menyepadukan kemudahan masa kini dengan aspirasi gaya hidup. Dengan keluasan 35' x 80', Cyria juga memiliki rekaan kontemporari yang membolehkan ruang dalaman berinteraksi dengan luaran kediaman. Laman yang luas memberikan anda gemandangan segar apabila anda berdiri di balkoni, dan siling tinggi menjelmakan ruang besar dalam kediaman hebat ini.

Cyria ialah jawapan kepada kediaman eksklusif di dalam lingkungan kejiranan berkegagalan rendah. Bagi keluarga yang impikan kehidupan penuh ketenangan, Cyria ialah kediaman ideal untuk dilami, bekerja dan bersantai.

CYRIA SEMI-D 3 Tingkat

Untuk Pendaftaran, Sila Hubungi: **03-7982 8000**

Abadi Man Nuan Sdn Bhd  
100, Jalan Industri 9, Kampung Baru Sungai Buloh, 40100 Shah Alam, Selangor

www.abadiheights.com.my  
www.facebook.com/abadiheights

Partners:

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMPAHAN NEGARA



Informasi  
Terkini  
di jari anda



MUAT TURUN  
PERCUMA  
APLIKASI

# PRU mengejut perlu RM1.2 bilion

**KUALA LUMPUR** - Persidangan Dewan Rakyat pada 12 Ogos lalu diberitahu sebanyak RM1.2 bilion diperlukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) jika pilihan raya umum mengejut diadakan dalam tempoh penularan Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Datuk Taqiyuddin Hassan berkata jumlah itu adalah anggaran untuk melaksanakan proses pilihan raya dengan mengambil kira tatacara operasi piawai (SOP) bagi mencegah

penularan Covid-19.

"SPR memaklumkan sekiranya kerajaan adakan pilihan raya snap (mengejut) untuk seluruh negara pada masa ini, pasca-Covid-19, dianggarkan perbelanjaan sebanyak RM1.2 bilion diperlukan," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020 peringkat jawatankuasa bagi



Jabatan Perdana Menteri.

Beliau turut memberitahu Dewan Rakyat, daripada RM15 juta yang diterima SPR bagi 2019, sebanyak RM12,946,353.50 dibelanjakan untuk pelaksanaan lima pilihan raya kecil (PRK) iaitu PRK Parlimen Cameron Highlands, Parlimen Sandakan dan Parlimen Tanjung Piai serta Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih dan DUN Rantau. - BERNAMA

## Penjajaran semula Wi-Fi

# Tumpu lokasi strategik

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri melakukan penjajaran semula lokasi pemasangan Wi-Fi bagi memastikan pelaksanaan inisiatif Data Internet Selangor sampai kepada kumpulan sasar.

EXCO sains, teknologi dan inovasi berkata pihaknya akan merujuk setiap Ahli Dewan Negeri (ADN) bagi mendapatkan lokasi strategik tumpuan rakyat.

"Kita (Kerajaan Negeri) sedang buat penjajaran semula dengan merujuk setiap ADN untuk memberikan lokasi strategik untuk kita pasang Wi-Fi kerana ada peruntukan tertentu terutama di kawasan tumpuan rakyat," kata Hee Loy Sian pada 12 Ogos.

Inisiatif Data Internet Selangor de-

ngan peruntukan RM18 juta diperkenalkan Dato' Menteri Besar dalam pakej rangsangan ekonomi fasa ketiga yang dijangka memanfaatkan 40,000 penerima.

Dato' Seri Amirudin Shari dipetik berkata matlamat inisiatif adalah penjimatan kewangan untuk penggunaan data internet dan memudah cara inisiatif pendigitalan.

Selain itu, inisiatif ini merupakan sokongan untuk meningkatkan kemudahan capaian rakyat kepada perkhidmatan dalam talian yang disediakan terutama kepada golongan memerlukan seperti kumpulan B40, pelajar luar bandar, guru di sekolah luar bandar serta usahawan wanita.

Kerajaan Negeri bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi bagi menjaya-

kan kemudahan internet tanpa had itu untuk menyokong hasrat menjadikan Selangor sebagai negeri pintar menjelang 2025.

Pada 2015, Kerajaan Negeri memperkenalkan perkhidmatan jalur lebar percuma, Wi-Fi Smart Selangor. Sebanyak 4,000 unit sudah dipasang sehingga Januari lalu.



# Jangan potong dana kesihatan

**SHAH ALAM** - Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) mengingatkan peruntukan bagi mengukuhkan tahap kesihatan awam perlu dilihat sebagai pelaburan, bukan kos semata-mata.

Justeru, kerajaan Persekutuan diminta tidak memotong belanjawan tahunan bagi aspek berkenaan apatah lagi ketika negara berdepan pandemik Covid-19.

"Kami berpendapat hanya dengan meningkatkan tahap perlindungan dan kesihatan kepada rakyat, kita mampu menangani cabaran dan tentangan kesihatan serta ekonomi yang sedang mengesakan negara," menurut kenyataan parti itu pada 8 Ogos.

Kenyataan tersebut ditandatangani Presiden KEADILAN Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Jurucakap Kesihatan Dr Lee Boon Chye.

Mereka turut menggesa dana kesihatan awam berjumlah RM5.66 bilion ditambah untuk memerangi kemelut tersebut.

Ketika ini, peruntukan operasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah RM27.9 bilion. Bagi sumber manusia, sebanyak 78,266 kakitangan diperuntuk untuk kesihatan awam.

"Kami menggesa peningkatan sebanyak 20 peratus kepada kedua-dua kos operasi dan jumlah staf untuk kesihatan awam bagi tempoh dua tahun mendatang," kata kenyataan itu.

KEADILAN turut mencadangkan KKM melakukan kajian virus bagi mengesan penyakit membabitkan paru-paru terutama kelompok masyarakat berisiko tinggi seperti di pusat jagaan warga emas, penjara dan pekerja kolar biru.

## Nelayan boleh carum Perkeso

**TAIPING** -Seramai 42,000 nelayan buat julung kalinya dibenarkan mencarum dalam skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mengikut Akta Perkeso Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789), kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

Beliau berkata caruman di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SK-SPS) itu bagi menggantikan caruman insurans nelayan kelompok Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), yang akan dilaksanakan mulai Sabtu depan (15 Ogos).

"Hari ini merupakan hari yang bersejarah untuk pertama kalinya pekerja sendiri dalam sektor perikanan dibolehkan oleh Akta Perkeso untuk mencarum dalam Perkeso.

"Ini akan memberi perlindungan kepada para nelayan (dan keluarga) dengan caruman akan diambil (dibayar) daripada elaun sara hidup nelayan," katanya pada 9 Ogos.

Katanya, cadangan caruman adalah RM157.20 setahun bagi semua nelayan berdaftar dengan LKIM dan layak menerima Elaun Sara Hidup Nelayan. - BERNAMA



**LOT BUMIPUTERA SAHAJA**  
Dari **RM934K\*** sahaja

**LOKASI STRATEGIK PASARAN TERSEDIA**

- ✓ 10% Diskaun Bumiputera\*
- ✓ Berhadapan Jalan Utama
- ✓ Dijangka Siap pada Oktober 2020
- ✓ Saiz: 22ft x 75ft

Kedai Mampu Milik - Unit Terhad | Dari RM120k Sahaja\*

Waze : Mutiara Square Puchong \* Tertakluk pada terma dan syarat.

Pemaju: Ehsan Armada Sdn. Bhd. (583812-V)  
Level 19, Pavilion Tower, No.75, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
T +603 2088 2888 F +603 2088 2828 E marketing@malton.com.my

011 2800 2888  
W : malton.com.my  
E : marketing@malton.com.my

**MALTON**

Penafian Tuntutan: Segala isi kandungan di sini tertakluk pada pandangan mata tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada tawaran atau perjanjian. Semua gambar adalah hasil karya tanggapan pelukis semata-mata. Segala ukuran hasil daripada jangkaan. Sementara segala usaha teliti yang munasabah dilakukan atas persediaan iklan ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang ketidaktepatan. Segala maklumat tertera adalah tertakluk pada perubahan, pengubahsuaian, dan penggantian yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa ataupun mengikut cadangan Arkitek atau Jurutera.



## Kes Guan Eng, Najib berbeza

**SHAH ALAM** - Kes membabitkan bekas Menteri Kewangan Lim Guan Eng tidak boleh disamakan dengan sabitan kesalahan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kedua-dua kes berkenaan perlu diteliti berdasarkan fakta dan undang-undang, bukan aspek politik.

"Ada orang samakan kes Guan Eng dengan Najib yang dah jatuh hukum. Guan Eng tidak boleh dianggap bersalah selagi mahkamah tidak memutuskannya.

"Saya bercakap bukan sebab dia sahabat saya. Saya tidak pertikaikan siasatan berhubung rumah mahupun terowong tetapi ini babitkan pendakwaan," katanya pada 7 Ogos.

Menegaskan KEADILAN menolak sekeras-kerasnya amalan pendakwaan terpilih, ketua pembangkang juga bimbang kes melibatkan Lim tidak telus dan berunsur politik.

## AMK negeri terus perhebatkan parti

**SHAH ALAM** - Ketua Angkatan Muda KEADILAN (AMK) Selangor mengingatkan ahlinya supaya tidak diheret rasa kecewa berikutan pengkhianatan segelintir pemimpin parti.

"Pastikan jangan pernah gundah gulana, patah harap (dengan parti). Selagi setia dengan parti, kita akan rangkul, raikan dan bergerak padu," kata Najwan Halimi.

Berucap dalam Majlis Jelajah Presiden ke Selangor pada 7 Ogos, beliau sebaliknya berkata 'Langkah Sheraton' pada Februari lalu memberi hikmah kerana pergerakan AMK tidak lagi disekat.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik berkata kejayaan KEADILAN menerajui Selangor membuktikan parti berkenaan mampu memimpin negara.

## Jangan khianat, kelak 'dilaknat'

**SHAH ALAM** - Ketua penerangan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) mengingatkan pemimpin dan ahli parti di Selangor supaya tidak mengkhianati amanah rakyat.

Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata negeri itu akan "dilaknat" pengundi pada pilihan raya akan datang jika pengkhianatan terhadap parti berterusan.

"Nyahkan perasaan (khianat) itu. Biarkan mereka (pengkhianat) tikam kita, kita maju ke depan. Kita rapatkan saf," katanya pada 7 Ogos.

Shamsul juga meminta semua pihak berganding bahu, bekerjasama dan memastikan pentadbiran negeri terpelihara melalui kepimpinan Dato' Seri Amirudin Shari.

"Kita solid dengan perjuangan agenda dan reformasi. Kita tak nak lagi ada pengkhianat dalam parti. Kita sedar apa berlaku memberi kesan kepada presiden," katanya.

KEADILAN mulakan kerja kempen pilihan raya

# Semua ahli diseru pertahan Selangor



Anwar menyampaikan ucapan ketika program jelajah beliau ke Selangor di Shah Alam pada 7 Ogos

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Pentadbiran Kerajaan Selangor yang diterajui Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) perlu dipertahankan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Presiden KEADILAN meminta semua pemimpin dan ahli menjalankan tanggungjawab dan bekerja keras menjelang pilihan raya umum berikutan negeri itu

penting untuk pengukuhan parti.

"Memang Selangor hebat, saya setuju. Selangor nombor satu keanggotaan. Jadi masih ada banyak potensi. Pertama sebab kita menang banyak Parlimen dan kedua, jumlah penduduk ramai.

"Saya percaya dengan pengalaman lalu, pasang surut...masih ada kekuatan. Jangan permainan, kena jaga," katanya dalam Majlis Jelajah Presiden ke Selangor

di sini pada 7 Ogos.

Ketua pembangkang berkata KEADILAN bakal melalui masa depan lebih mencabar tetapi semua ahli perlu meletakkan keyakinan kepada parti.

"Yang penting kerja kita, keanggotaan kita, jentera kita. Moga kita terus berjuang bagi dukungan kepada cabang, negeri dan pusat," kata Anwar lagi.

## Amirudin arah susun jentera

**SHAH ALAM** - Pemimpin Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) di Selangor diseru menyusun jentera mulai sekarang sebagai persediaan pilihan raya umum (PRU) ke-15.

Pengerusi Majlis Pimpinan KEADILAN Selangor berkata perkara sama juga giat dilakukan pihak lawan tetapi mereka belum mencapai kesepakatan sesama parti gabungan.

"Takkan kita hendak lihat pergaduhan

mereka. Kita kena lihat nasib kita juga, jangan sampai kena serang hendap.

"Nanti kita hilang apa kita miliki. Sekarang kita kumpulkan kekuatan Pakatan (Harapan) Selangor," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika berucap di Majlis Jelajah Presiden ke Selangor pada 7 Ogos.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar berkata KEADILAN Selangor telah mendepani pelbagai cabaran, kecaman dan fitnah, malah beberapa perdana menteri

sebelum ini cuba merampas pentadbiran negeri.

"Setiap kali pilihan raya, selepas pilihan raya kita akan diserang. Bermacam-macam mereka keluarkan dakwaan, fitnah namun tidak berjaya.

"Sekarang kita buktikan dan laksanakan. Seranglah macam mana pun tapi pencapaian kita tak boleh dinafikan. Selangor masih mencatat pelaburan tertinggi," katanya lagi.





Informasi  
Terkini  
di jari anda



MUAT TURUN  
PERCUMA  
APLIKASI

Tindakan tatatertib menanti pegawai, anggota polis

# Siasat pelindung operasi judi haram

**KUALA LUMPUR** - Polis mengesahkan menerima maklumat mengenai segelintir pegawai dan anggota polis disyaki melindungi premis judi haram di sekitar Sungai Buloh, dekat sini.

Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Ibu pejabat polis Bukit Aman Datuk Zamri Yahya berkata ketika ini pihaknya sedang meneliti maklumat yang diterima termasuklah premis-premis judi yang ada di sekitar Sungai Buloh.

Beliau berkata perkara yang diteliti antaranya termasuklah serbuan dan rampasan perjudian yang telah dijalankan serta beberapa isu berkaitan.

"Jika terbukti ada pegawai dan anggota polis terlibat dalam penyelewengan tugas dan melindungi sindiket berkenaan maka tindakan tatatertib keras akan dikenakan kepada mereka.

"Sekiranya ada pegawai dan anggota

polis menerima rasuah, dia akan dirujuk kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada Bernama pada 11 Ogos.

Bernama turut melaporkan SPRM juga akan menyiasat dakwaan terhadap pihak berkuasa yang cuba melindungi premis haram, perjudian haram dan penjualan rokok seludup di sekitar Sungai Buloh.

Sebelum ini, tular satu video yang disiarkan secara langsung menerusi laman sosial Facebook Hot Burger Malaysia serta dikongsi akaun Mohd Asri Hamid, 42, atau dikenali sebagai Asri Janggut yang mendakwa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan terhadap kes judi serta mendedahkan lokasi perjudian di Bandar Baru Sungai Buloh.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh Supperintendan Shafa'aton Abu Bakar menafikan dakwaan itu dan menyatakan

**Sekiranya ada pegawai dan anggota polis menerima rasuah, dia akan dirujuk kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan selanjutnya**

**DATUK ZAMRI YAHYA**  
Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman

polis telah membuka kertas siasatan serta akan memanggil pengguna laman sosial berkenaan untuk memberikan keterangan. - BERNAMA

## e-Sukan sampaikan mesej antirasuah

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjadi agensi penguatkuasaan pertama menggunakan pendekatan e-sukan dalam menyampaikan mesej antirasuah kepada masyarakat, menerusi program 'SPRM PUBG (player unknown battle ground) Mobile i-Challenge'.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Azam Baki berkata objektif program itu adalah untuk mendekati golongan e-komuniti, berumur 12 hingga 60 tahun, untuk mendedahkan mereka tentang fungsi dan peranan SPRM secara dalam talian.

"Kempen kesedaran tentang keburukan jenayah rasuah perlu sentiasa mengikut trend atau pembudayaan sosial semasa, agar pendekatan dan medium yang digunakan sesuai dan tidak dipandang sepi oleh masyarakat," katanya pada 11 Ogos.

Azam berkata, golongan tertinggi yang terlibat dalam perlakuan rasuah sejak beberapa tahun kebelakangan ini, adalah mereka yang berumur antara 40 hingga 50 tahun.

Program yang dilaksanakan secara berperingkat bermula 17 Ogos sehingga peringkat akhir pada 6 September dijangka menarik kira-kira 1.6 juta peminat e-sukan di seluruh negara serta menawarkan jumlah keseluruhan hadiah sehingga RM9,000. - BERNAMA

## GRANDE II

TERES 2 1/2 TINGKAT

**Lot Bumiputera Sedia Ada**  
7% Diskaun Bumiputera




- Keluasan binaan 3,471kps dengan 4+1 bilik
- Taman linear bersebelahan ruang tamu
- Ruang rekreasi di tingkat atas
- Berdekatan kemudahan dan lebuh raya utama

03-5032 7803

**METROGEN**  
Exceptional Homes. Outstanding Value. Always.


Project manager: METROGEN SDN BHD (388106-H) • Developer: KUBU INTEGRASI SDN BHD (513070-F) • Address: 5th Floor, Bangunan Palm Grove, No. 14, Jalan Glenmarie (Persiaran Kerjaya), Section U1, 40150 Shah Alam, Selangor • Lesen Pemaju: 11646-4/06-2022/0366/L • Tempoh Sah: 25/06/2020 hingga 24/06/2022 • Permit Iklan: 11646-4/06-2022/0366/P • Tempoh Sah: 25/06/2020 hingga 24/06/2022 • Badan Berkas: Majlis Perbandaran Sepang • No. Kelulusan Pelan: M/SPG.9/CYB/8/08 JLD7(2) • Hak Milik Tanah: Pajakan 99 Tahun • Tamat Pajakan: 30/12/202 • Bebanan: Tiada • Tarikh Jangkaan Siap: Julai 2022 • Fasa 7 • Jenis A (Rumah Teres 2 1/2 Tingkat) • Jumlah Unit: 46 unit • Harga Jualan: (Min.)RM1,440,000.00 hingga (Maks.)RM2,665,000.00 • Jenis B (Rumah Teres 2 1/2 Tingkat) • Jumlah Unit: 15 unit • Harga Jualan: (Min.)RM1,540,000.00 hingga (Maks.)RM2,704,000.00 • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri • 7% diskaun untuk Bumiputera



## KONDO BERHADAPAN TASIK

**TASK**  
RESIDENCY

- Keluasan binaan amat besar 2,598kps
- Rumah Kelab 50,000kps
- 20 jenis fasiliti moden
- Sekuriti 24-jam
- 3 lot tempat letak kereta



**Lot Bumiputera Sedia Ada**  
7% diskaun bumiputera

**METROGEN**  
Exceptional Homes. Outstanding Value. Always.  
03-5032 7803

Pemaju: SAMK CORPORATION SDN BHD (200177-A) • Alamat: Tingkat 5, Bangunan Palm Grove, No. 14, Jalan Glenmarie (Persiaran Kerjaya), Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor • Lesen Pemaju: 11673-2/03-2021/01763/L • Tempoh Sah: 16/03/2020 to 15/03/2021 • Permit Iklan: 11673-2/03-2021/01763/P • Tempoh Sah: 16/03/2020 to 15/03/2021 • Badan Berkas: Majlis Perbandaran Sepang • No. Kelulusan Pelan: M/SPG.9/D/05/11 • Jenis Pajakan Tanah: Pajakan • Tempoh Pajakan: 99 Tahun • Tamat Pajakan: 22/3/2115 • Bebanan: Tiada • Tarikh Jangkaan Siap: April 2020 • Blok A • Jumlah Unit: 300 • Harga Jualan: RM850,548,000 (Min.) - RM1,320,904,000 (Maks.) • Blok B • Jumlah Unit: 370 • Harga Jualan: RM722,760,000 (Min.) - RM1,639,550,000 (Maks.) • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri • 7% diskaun untuk Bumiputera • \*Tertakuk kepada terma dan syarat



# Konflik AS-China tidak jejas dagangan Malaysia

**KUALA LUMPUR** - Konflik perdagangan antara Amerika Syarikat (AS)-China sejak awal 2018 tidak memberikan impak besar terhadap prestasi perdagangan Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) berkata jumlah perdagangan Malaysia dengan AS untuk tempoh Januari hingga Jun ialah RM80.41 bilion meningkat sebanyak 3.1 peratus berbanding tempoh sama 2019.

Nilai eksport Malaysia ke AS meningkat pada kadar 2.4 peratus kepada RM46.15 bilion dan import pula bernilai RM34.26 bilion meningkat 4.1 peratus.

Hampir 80 peratus eksport Malaysia ke AS disumbang produk elektrik dan elektronik, produk keluaran getah, peralatan optikal dan saintifik, produk keluaran kayu serta produk perkilangan lain.

Produk yang menyumbang kepada 76 peratus import dari AS adalah produk elek-

trik dan elektronik, produk kimia dan bahan kimia, mesin dan peralatan, peralatan optikal dan saintifik serta produk perkilangan logam.

Sementara itu, jumlah perdagangan Malaysia dengan China bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 turut mencatat peningkatan 0.3 peratus kepada RM149.16 bilion berbanding tempoh sama pada 2019.

Eksport Malaysia ke China pada tempoh sama bernilai RM69.43 bilion meningkat

pada kadar 8.3 peratus disokong eksport utama iaitu elektrik dan elektronik, kimia dan produk kimia, produk petroleum, pembuatan logam serta barangan perkilangan yang lain.

Import pula menurun 5.8 peratus kepada RM79.73 bilion, di mana import utama merangkumi produk elektrik dan elektronik, mesin, peralatan dan bahagian, kimia dan produk kimia, produk petroleum serta pembuatan logam. - BERNAMA

## 20 juta dijangkiti di seluruh dunia

**MOSCOW** - Jumlah kes Covid-19 di seluruh dunia sudah melebihi 20 juta, lapor agensi berita Sputnik berdasarkan data Johns Hopkins University.

Kes seluruh dunia kini berjumlah 20,001,019 pada 10 Ogos lalu, dengan 733,897 kematian dan 12,200,847 kes pulih.

Amerika Syarikat merekodkan lima juta kes dengan lebih 162,000 kematian, tertinggi di dunia mendahului Brazil yang mencatat lebih 100,000 kematian.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik pada 11 Mac. - BERNAMA

## Penawar wabak Rusia baru fasa satu

# Proses ketat lulus vaksin

**GENEVA:** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) hanya akan meluluskan vaksin Covid-19 yang melepasi proses kelayakan ketat dan menyeluruh.

Susulan pengumuman Presiden Vladimir Putin bahawa Rusia negara pertama meluluskan vaksin yang menawarkan 'kekebalan mampan' terhadap virus itu, WHO berhubung dengan jabatan kesihatan negara itu.

"Prakelompok untuk mana-mana vaksin melibatkan proses ketat termasuk menilai prosedur keselamatan dan

keberkesannya," kata Tarik Jasarevic menerusi taklimat dalam talian pada 11 Ogos.

Vaksin dikenali Sputnik V dibangunkan institut penyelidikan Gamaleya dengan kerjasama kementerian pertahanan negara tersebut.

WHO sebelum ini mengumumkan ada 168 vaksin dibangunkan di seluruh dunia. Daripada jumlah itu, 28 daripadanya memasuki peringkat ujian terhadap manusia.

Enam daripada 28 vaksin memasuki

fasa ketiga ujian klinikal. Namun, pertubuhan berkenaan memaklumkan Sputnik V baru memasuki fasa satu.

"Untuk mendapatkan kelulusan, WHO perlu meneliti aspek keselamatan dan keberkesanan data daripada ujian klinikal. Ini membabitkan mana-mana vaksin," kata Jasarevic.

"Untuk mendapatkan kelulusan WHO, kami perlu meneliti aspek keselamatan dan menilai data daripada ujian klinikal. Ini membabitkan mana-mana vaksin," katanya. - AFP

## Makluman Pertukaran Nama Syarikat

Communication Corporation Sdn Bhd

kini dikenali

**MEDIA SELANGOR SDN BHD**



MediaSelangor

T +603 5523 4856 F +603 5523 5856 E info@mediaselangor.com

Penerbit

SELANGOR



SELANGOR JOURNAL

当今雪州

செலாங்கோர்

## KEDIAMAN ISTIMEWA UNTUK DIDIAM

*kediaman buat keluarga bahagia*



RESIDENCE

Pegangan Kekal



Mr. Lee 012 389 3522  
Daniel 012 339 7913  
Oscar 010 395 3494

Goldenchamp Development Sdn Bhd (5102157-M)  
No. 34-A, Jalan T/2, Seksyen 1, Bandar Teknologi Kajang, 43500 Semenyih,  
Selangor Darul Ehsan. Tel. No: 03-8724 5296 Fax. No: 03-8724 9588

\* Lesen Pemegang: 1956-1-1/2-2002/0113361 \* Persekitaran: 31/12/2020 \* No. Persekitaran & Aduan: 19561-1/12-2002/0113361 \* Tempoh Sah: 31/12/2020 \* Pegangan Tanah: Pegangan Bebas / Ready Malaysia \* Sebilangan Tanah: Public Bank Berhad (9463-46) \* Dijangka Siap: Sept 2020 \* Jumlah Unit Rumah: 220 \* 2 Tingkat (22'x61'): 63 unit \* Jenis Rumah: Condo / End / Intermidiate \* Harga Rumah: RM488,000.00 (Minimum) - RM 690,000.00 (Maksimum) \* Kalkulasi Pihak Berkuasa Pihak Bangunan: Majlis Perbandaran Sepang \* No. Rujukan PPK: MP/sepang/PS/500-34/19/32

Semua visual adalah gambar yang terdapat dalam periklanan ini adalah pandangan artistik sahaja. Pemaju berhak untuk mengubahsuai mana-mana bahagian bangunan sebelum siap seperti yang ditunjukkan dalam diibadikan oleh ahli periklanan dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan. Semua rancangan, saiz atau maklumat dan spesifikasi boleh berubah dan menjadi sebahagian daripada tawaran atau persembahkan kontrak.



**Wabak Covid-19 jejas pelbagai industri**

**Cabaran kesihatan dan makanan**

**K**risis Covid-19 seolah-olah seperti menekan butang susun semula dalam pelbagai aspek hidup kita secara langsung ataupun tidak.

Antara cabaran terhebat yang akan kita hadapi adalah kelangsungan bekalan makanan

terutama dalam persediaan menghadapi kemungkinan ombak baharu kes Covid-19.

Kelangsungan bekalan makanan mengambil kira beberapa aspek; kestabilan bekalan, kos pengeluaran, akses kepada makanan dan penggunaan makanan.

Aspek-aspek ini secara langsung dan tidak memberi kesan kepada kita semua dari segi kemampuan membeli, menyediakan pemakanan seimbang serta menjamin kesihatan rakyat.

Bagi pihak kerajaan pula, cabaran kelangsungan makanan memberi dampak kepada perancangan jangka masa pendek dan sederhana dari segi rantaian bekalan makanan serta dasar kesihatan yang melibatkan kekurangan zat makanan dalam jangka panjang.

**Kebergantungan sumber**

Krisis Covid-19 menunjukkan dengan jelas dampak negatif yang ditanggung sesebuah syarikat ataupun negara yang terlalu bergantung kepada sumber luar akibat ketiadaan sumber sendiri yang mencukupi.

Saya mengambil contoh peralatan perlindungan peribadi seperti sarung tangan, pelitup muka, cecair pembasmi kuman dan pakaian khusus untuk para doktor dan jururawat.

Sewaktu virus Covid-19 mula merebak, negara-negara yang tidak menghasilkan peralatan perlindungan peribadi di negara sendiri terus mengalami kekurangan bekalan tersebut kerana berada dalam situasi perintah berkurung.

Negara-negara pengeluar pula terpaksa mengurangkan separuh daripada kadar pengeluaran mereka bagi mengawal kadar

perebakan virus ini.

Kerana itulah mungkin antara penyebab mengapa pelitup muka tidak diwajibkan bagi orang awam pada awalnya memandangkan peralatan tersebut lebih diutamakan buat petugas barisan hadapan.

Kini, data sains menunjukkan betapa pelitup muka mampu mengurangkan kadar titisan-titisan merebak dari seseorang kepada orang lain.

Walaupun situasi bekalan makanan dunia dan negara kita kelihatan terjamin sewaktu Covid-19, krisis yang mempunyai jangka masa lebih panjang mampu mencabar kelangsungan bekalan makanan negara dan dunia.

**Krisis pascawabak**

Pada bulan lalu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melaporkan bahawa kelangsungan bekalan makanan akan menjadi cabaran pasca Covid-19 jika langkah-langkah tertentu tidak diambil.

Laporan bersama Pertubuhan Kesihatan Dunia, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unicef) dan Program Makanan Sedunia memberi amaran bahawa kekurangan bekalan makanan akan menyebabkan kekurangan zat makanan khususnya dalam kalangan kanak-kanak.

Dan situasi ini bakal menjadi lebih teruk dalam jangka panjang kerana hospital dan sistem kesihatan sesebuah negara akan lebih tertekan.

Kekurangan zat makanan yang kini melibatkan 690 juta orang di seluruh dunia dijangka meningkat drastik kepada 840 juta pada 2030.

Tambahan pula, laporan itu menggunakan istilah kekurangan makanan

berkhasiat yang akan mengubah diet seharian kita kerana faktor kos yang tinggi, dan ini akan menyebabkan ramai daripada kita tidak mampu mendapatkan makanan yang sihat.

Ini juga akan memberi kesan kepada perbelanjaan kesihatan bagi masyarakat terutama kanak-kanak yang mungkin mengalami pertumbuhan terbantut.

Menurut Unicef, satu daripada lima kanak-kanak mengalami pertumbuhan terbantut dan situasi ini lebih kritikal dalam kalangan miskin bandar.

Dan antara sebab utama perkara ini berlaku adalah kekangan keupayaan membeli makanan berkhasiat seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan untuk memastikan anak-anak kita mempunyai diet seimbang.

Cabaran ini tidak boleh diambil ringan kerana kesannya agak ketara kepada anak-anak kita.

Sebab itu, Kerajaan Negeri meletakkan kelangsungan bekalan makanan antara fokus utama dalam pelan pemulihan ekonomi yang telah saya umumkan pada bulan lalu.

**Perkasa sektor tani**

Pelan ini bertujuan memberi penelitian khusus untuk memastikan Selangor dapat memberdaya masyarakat petani, penternak dan nelayan untuk mengajak mereka supaya bersama-sama menangani cabaran yang kita hadapi.

Saya melihat peranan masyarakat ini amat penting kerana ia mampu menjadikan Selangor sebagai bekalan makanan mandiri dan mengurangkan kebergantungan kita kepada sumber luar, terutama saat krisis seperti Covid-19.

Usaha-usaha seperti ini dapat membina dan melengkapkan rantaian bekalan makanan dari kawasan pinggir bandar ke bandar, mengurangkan kos pengeluaran makanan serta kos penjualan makanan untuk mencipta situasi 'menang-menang' bagi semua.

Antara langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah menerusi platform Selangor Digital e-Supply Chain ataupun Seldec bagi memecahkan peranan kartel-kartel yang sebelum ini meraih keuntungan besar sebagai orang tengah antara pengusaha tani dan nelayan dengan pembeli.

Seldec serta usaha lain seperti Pasar Agro Selangor berteras konsep pertanian komuniti mampu menyediakan barangan segar dan selamat pada kos yang mampu dibeli oleh semua.

Inisiatif-inisiatif sebegini bukan sahaja bakal menjamin bekalan makanan kita, malah sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi dengan memberi peluang kepada banyak pihak untuk turut sama mengambil bahagian dalam kek ekonomi yang tersedia buat semua.

Ditambah dengan pendigitalan yang giat dijalankan, usaha menjamin keberlangsungan makanan juga dapat mengelakkan rintihan orang ramai yang mengeluh berkenaan kesusahan berniaga seperti yang kita dengar baru-baru ini di Sungai Buloh dan menanganinya dengan lebih positif.

Diharapkan dengan tujuan ini, lebih ramai menceburi bidang agropreneur serta yang berkaitan. Orang ramai digesa mengambil manfaat daripada kemudahan dan geran berkaitan, sama ada melalui pinjaman mikrokredit Hijrah Selangor dan lain-lain.

Kerajaan Negeri sedar betapa usaha sebegini harus dipertingkatkan lagi dengan keterlibatan industri, kerjasama negeri-negeri lain serta sokongan kerajaan persekutuan bagi menjadikan kelangsungan bekalan makanan kita sentiasa terjamin dan tidak berada dalam keadaan berisiko jika dihadapkan dengan krisis baharu.

# GEDUNG ILMU

## di pinggir tasik

Buku 'Temple of Knowledge: Historical Library of the Western World' karya penulis Turki, Ahmet Ertug berharga RM23,499 dipamerkan di ruang Selangor Info Hub di tingkat empat menjadi tumpuan ramai. Hanya 400 naskhah yang memuatkan foto perpustakaan kuno di Eropah diterbitkan pada 2009



Rak bahan bacaan yang memuatkan 334 buku sumbangan anakanda DYMM Sultan Selangor, Tengku Zatahsah sejak 2014 turut mendapat perhatian orang ramai



Langsung tiada papan tanda 'Tolong Diam', Pustaka Raja Tun Uda ternyata bukan biasa-biasa. Terletak di celah-celah pohon menghijau di Seksyen 13, Shah Alam, ia menawarkan pengalaman berbeza kepada pengunjung.

Perpustakaan itu menyediakan panggung wayang enam dimensi, pertama di dunia, selain dilengkapi gimnasium, studio bunyi, Rumah Ngaji, malah bilik Braille untuk orang kelainan upaya. Selain itu, ada ratusan ribu buku termasuk koleksi Sultan Selangor tersimpan di situ.

Tidak hairanlah hampir sejuta orang mengunjungi perpustakaan itu dalam tempoh tiga tahun terakhir ini.

Jurufoto **Asri Sapfie** dan **Rahimie Ariffin** merakam kecanggihan perpustakaan itu pada 10 & 11 Ogos.



Pengunjung melakukan senaman sambil menikmati keindahan pemandangan luar perpustakaan selepas selesai mengulang kaji. Bayaran masuk ke gimnasium cuma RM5

Tempahan buku dalam talian BooksFly2U yang dilancarkan pada 16 Julai lalu menyediakan khidmat penghantaran terus ke lokasi peminjam. Mereka hanya perlu menghantar pesanan judul kepada 010-849 1448 atau 03-5519 7667

Tengku Sumayyah Tengku Shahrom, 28, membaca al-Quran di Rumah Ngaji. Bilik itu turut menyediakan bahan terjemahan kitab itu beserta audio bagi membantu kesempurnaan bacaan

### UNIK

Melalui pawagam enam dimensi, pengunjung berpeluang merasai kelajuan pesawat canggih seolah-olah berada dalamnya. Penggunaan kaca mata khas, pergerakan kerusi, tiupan angin serta paparan visual menjadikan suasananya seakan-akan benar. Beberapa visual berbeza juga ada termasuk roller coaster

Orang kelainan upaya (OKU) membaca al-Quran di Bilik Braille. Bilik itu turut menyimpan mesin taip, bahan bacaan dan permainan khusus yang sesuai untuk kegunaan mereka

Lima bugi percuma disediakan kepada pengunjung. Mereka tidak perlu berjalan kaki dari tempat letak kereta untuk ke bangunan perpustakaan



Sekumpulan pelajar melalui laluan tingkat tiga yang memaparkan imej flora dan fauna. Setiap tingkat menempatkan bahan rujukan tersendiri. Tingkat satu berkaitan anatomi tubuh manusia, tingkat dua mengenai laut manakala tingkat teratas perihal angkasa lepas.



## ADN bantu anak sasterawan negara

**SHAH ALAM** - Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik, Najwan Halimi menghulur bantuan kewangan kepada anak sasterawan negara yang terkesan akibat penularan Covid-19.



Najwan berkata rumah, Aina Mastura Mohamed Said dipecah masuk Jun lalu mengakibatkan barangan berharga termasuk komputer riba milik suaminya hilang.

"Saya dimaklumkan suami Aina perlu menggantikan komputer berkenaan. Aina pula berhenti kerja ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dan ini menjadi beban kepada keluarga muda ini.

"Oleh sebab itu saya mengambil inisiatif menyumbang wang ringgit dari peruntukan DUN. Diharap bantuan ini dapat meringankan beban mereka," katanya pada 11 Ogos.

Sementara itu, Aina Mastura, 32, anak Datuk Zurinah Hassan, sangat terharu dengan keprihatinan Najwan.

Zurinah adalah wanita pertama menerima anugerah sasterawan negara pada 2015.

## Jalan Pintas Bandar Rawang

# Atasi trafik sesak, jimat masa

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Pembukaan Jalan Pintas Bandar Rawang sepanjang satu kilometer mampu menjimatkan masa penduduk Bukit Rawang Jaya dan Hulu Selangor ke Kuala Lumpur sehingga 15 minit.

Ahli Dewan Negeri Rawang, Chua Wei Kiat berkata pembukaan jalan itu juga menyurai kesesakan trafik yang sering berlaku di pekan Rawang.

"Jalan ini dibina secara dua hala sejak lebih 12 tahun lalu tetapi yang dibuka (kepada pengguna) hanya Kampung Lee Kim Sai ke Bandar Rawang manakala menghala ke Kuala Lumpur ditutup disebabkan isu tanah dan keselamatan.

"Susulan itu, kita kerap mengadakan perbincangan bersama Mahumas Sdn Bhd (pemaju), ahli parlimen, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kerja Raya termasuk wakil Masjid Jamek Nurul Iman untuk mencari jalan menyelesaikan masalah ini," katanya pada 4 Ogos.



**Wei Kiat (tengah) bersama William Leong dan Shukri memotong reben simbolik merasmikan pembukaan Jalan Pintas Bandar Rawang pada 4 Ogos**

Jalan Pintas Bandar Rawang dibuka sepenuhnya kepada pengguna mulai 5 Ogos lalu.


Terdahulu, beliau merasmikan pem-

bukaan jalan berkenaan yang turut dihadiri Ahli Parlimen Selayang William Leong Jee Keen dan Pegawai Daerah Gombak, Shukri Mohamad Hamin.

## YB Kita

### Ahli Dewan Negeri

### N45 BANDAR BARU KLANG



- **Nama:**  
Teng Chang Khim
- **Umur:**  
57 tahun
- **Negeri kelahiran**  
Johor
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**  
Peguam bela dan peguam cara
- **Alamat pejabat ADN:**  
LG-4, 1E Jalan Pekan Baru 34, 41010 Klang
- **Nombor telefon ADN:**  
03-33414982
- **E-mel:**  
khim@selangor.gov.my
- **Facebook:**  
Teng Chang Khim



**Gunaraj meneliti laporan kegiatan pembuangan sampah haram di Jalan Sungai Jati pada 6 Ogos**

## Bersih sampah haram atau tanah dirampas

**SHAH ALAM** - Pemilik tanah diarah membersihkan sampah di Lot 10439 Jalan Sungai Jati, Klang dalam tempoh 60 hari daripada tarikh notis Pejabat Tanah, kata Ahli Dewan Negeri Sentosa.

G Gunaraj menegaskan Kerajaan Negeri berhak merampas tanah terbabit bagi memastikan perkara sama tidak berulang.

"Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa melalui Pejabat Kesihatan Klang melakukan siasatan di bawah Unit Entomologi dan menyerahkan laporan awal kepada saya.

"Tindakan pemberian notis mengikut Akta 7A dikeluarkan melalui kuasa Pejabat Tanah pada 4 Ogos dan pemilik tanah ha-

rus membersihkan sampah tersebut dalam masa 60 hari dari tarikh notis," katanya pada 6 Ogos lalu.

Gunaraj berkata kawasan itu dijadikan tapak pembuangan sampah haram sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, selain pembakaran wayar hingga mengeluarkan bau busuk.

Beliau menjelaskan perbuatan sedemikian mengundang kehadiran lalat dan pembiakan Aedes di seluruh kawasan perumahan berhampiran.

"Walaupun Majlis Perbandaran Klang telah menyita tapak tersebut (22 Julai) tetapi aktiviti haram ini masih dilakukan," tegasnya.



**ADN PELABUHAN KLANG**

**Azmizam Zaman Huri**

Menyantuni warga emas pada program Ziarah Kasih di Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang



**ADN BANDAR UTAMA**

**Jamaliah Jamaluddin**

Melawat wanita yang uzur di Taman Mayang, Petaling Jaya



**ADN TAMAN TEMPLER**

**Mohd Sany Hamzan**

Mengedar pelitup muka dan cecair pembasmi kuman di Prima Selayang, Batu Caves



**ADN KUALA KUBU BAHARU**

**Lee Kee Hiong**

Menghantar kad Kasih Ibu Smart Selangor ke rumah penerima di Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor



**ADN BUKIT MELAWATI**

**Juwairiya Zulkifli**

Menyumbangkan pakaian sekolah kepada keluarga ibu tunggal di Pusat Khidmat DUN, Kuala Selangor



**ADN KOTA DAMANSARA**

**Shatiri Mansor**

Menyerahkan sumbangan sempena Ziarah Prihatin kepada penduduk Gugusan Tanjung 4, Petaling Jaya



## Cerita orang mengandung

Oleh Farahin W

Selepas ketua kampung kehilangan dua orang anak dan isterinya akibat lemas, tiada seorang pun penduduk kampung dibenarkan beranak dua. Masing-masing punya anak hanya seorang. Tapi siapa tahu mungkin ada diam-diam menyembunyikan anak dalam tempayan? Dalam almari kayu? Celah-celah tong beras, dalam bilik gelap? Perkara ini kalau sampai ke pengetahuan ketua, amuknya boleh meranapkan seluruh kampung. Pernah keluarga Maimunah dihalau keluar apabila dia beranak lagi satu. Hampir-hampir Maimunah menggugurkan kandungan, namun nasihat orang ramai akhirnya memujuknya agar menjaga kandungan tersebut. Tapi, malang – mereka tetap dihalau.

Beginilah, perempuan-perempuan di kampung. Masing-masing nampak membusung. Apabila ditanya adakah mereka mengandung, semuanya marah-marah kerana dituduh gemuk. Tapi kalau diselidik, mereka sebenarnya sedang mengandung. Cuma mereka tak berani bersalin. Takutkan amuk ketua kampung.

"Aku fikir kalau begini, kita akan mati menanggung beban berat bertahun-tahun. Kandunganku sudah setahun usianya. Suamiku melarang keras aku melahirkan. Tapi, tiap-tiap malam mengajak aku bersenggama," Siti meluahkan rasa. Perut besarnya diusap-usap. Sekejap-sekejap dapat dirasakan tendangan dari dalam perut.

"Yalah, Siti! Aku sudah 11 bulan. Ikutkan hati, mahu sahaja aku lahirkan. Itu pun, nasib baik dia benarkan kita bersuami. Kalau tidak, menjandalah kita semua," giliran Leha menepuk-nepuk perut dan mengurut pinggang. Dalam fikirannya, dia mahu beranak dan sembunyikan anaknya dalam tempayan. Besar nanti, anaknya akan dihantar ke bandar – tempat orang kaya-kaya tak punya anak.

"Benar, Siti, Leha! Sampai bila kita mahu mengandung saja tak beranak? Aku sudah dua tahun begini. Kadang-kadang rasanya mahu buang sahaja perut ini. Sudahlah jadi mak buyung, mencuci baju semua jadi berat," Sarimah resah. Kandungannya lebih besar daripada yang lain. Mahu dilahirkan, suaminya melarang kerana takutkan ketua kampung.

Sarimah membuang pandang ke jalan. Dilihatnya perempuan-perempuan kampung berjalan terkedek-kedek dengan perut membusung. Ada yang sekejap-sekejap berhenti menahan lelah. Membiarkan orang-orang perempuan mengandung sebegini lama ialah satu hal yang tak wajar. Tak adil. Tak adil.

"Aku fikir, beginilah. Kita carikan isteri baru untuk ketua kampung."

Siti tersedak pisang. Mata Leha terbelalak. Sarimah bangun dari pangkin dan mula berpidato. Katanya, kalau ketua kampung berkahwin semula, isterinya bakal mengandung dan beranak. Nah, pada masa itu, semua orang perempuan pasti boleh melahirkan anak mereka.

"Kau yakin?" Leha berkerut dahi. Dalam fikirannya, siapa yang mahu ketua kampung? Si tua kerepot dan panas baran itu?

"Kenapa tidak? Kalau mahu merusuh, kau berani? Dengan perut yang berat dan mahu pecah?" tanya Sarimah.

Siti mengangguk-angguk. Ada benarnya apa yang Sarimah katakan. Kalau ketua kampung beristeri lagi – kali ini kita carikan yang subur-subur, pasti peluang

untuk melahirkan anak kedua lebih cerah. Kasihan orang perempuan. Sudah 40-an masih ada membusung anak yang sepatutnya dilahirkan pada umur 30 dahulu. Kasihan. Kasihan. Mahu digugurkan, pastilah sayang. Sedangkan haiwan sayangkan anak. Kalau mahu merusuh pula, ah, sudah-sudahlah merusuh! Takut tersadung batu, sia-sia anak yang dikandung bertahun-tahun.

"Semua setuju? Esok kita iklankan pencarian!" Sarimah yakin. Tapi Leha masih dalam kebingungan.

Esoknya, Sarimah mengangkat poster. Siti menguruskan pendaftaran. Masing-masing dengan wajah berseri-seri memanggil anak-anak gadis mengikuti temu duga memilih calon isteri ketua kampung. Para ibu masing-masing seronok menghantar anak dara mereka. Kalau dapat bermenentukan ketua kampung, senang dan mewahlah hidup.

Suraya, anak dara Mak Limah antara yang datang. Parasnya elok dan menarik. Tingkah-lakunya sopan, sejuk mata memandang. Katanya, dia mahu bersuamikan ketua kampung. Dia mahu membantu orang-orang kampung melahirkan anak-anak mereka. Lagi pula, sudah berbelas-belas tahun dia menunggu Mak Limah melahirkan adik. Dia bosan hidup sendirian.

Esoknya, bersorak-sorailah orang-orang kampung. Masing-masing dengan rela hati menguruskan hal-hal perkahwinan ketua kampung. Dari kompong sehinggalah urusan makanan, semua ditanggung beres. Mak Limah senang hati melihat perkahwinan anaknya. Gilang-gemilang dan direstui.

Malam pertama di rumah ketua kampung, Suraya masih berkebayu dengan rambut disanggul tinggi. Direnungnya suaminya dalam-dalam. Dalam samar-samar mengecap nikmat malam, berseronoklah kedua-duanya ke puncak berahi.

Gembira bukan kepalang orang kampung melihat ketua kampung berpeluk dengan Suraya. Apabila ditanyakan kepada Suraya sudahkah mereka berasmara di atas bulan, tersenyum simpul gadis itu. Ibu-ibu mengandung tidak sabar menantikan Tuhan meniupkan roh ke rahim Suraya. Kalau boleh, biarlah kembar yang dikandungnya.

Hari silih berganti. Enam bulan usia perkahwinan ketua kampung dengan Suraya. Gadis itu tetap sahaja melenggang-lenggok dalam kebayanya. Tiada tanda-tanda mengandung. Seluruh kampung resah. Para suami tidak dapat menahan rasa membiarkan isteri macam ikan buntal. Mengandung tak beranak. Kadang-kadang mereka marah-marah lantaran hajat tak tertunaikan. Kasihan. Kasihan.

"Aku fikir, kita berpakat sahajalah," Leha tiba-tiba memberikan pandangan.

"Kita pujuk Suraya pura-pura mengandung."

\*\*\*\*

Orang-orang kampung kenduri besar-besaran apabila Suraya dilaporkan mengandung. Ditumbangkan tiga ekor lembu dan dua ekor kambing. Ada yang datang membawa kuih-muih. Gembiranya seperti seorang bapa menyambut kepulangan anak dari perantauan. Atau seorang suami dibenarkan berkahwin lagi satu. Tapi ketua kampunglah orang paling gembira. Sekian lama kemarau anak akhirnya kejantanannya terbukti semula. Kalau boleh, dia mahu anak laki-laki. Satu hari nanti, boleh menggantikannya menerajui kampung ini.

Sembilan bulan Suraya ke sana ke mari dengan perut membusung. Wajahnya jadi kembang macam beruang. Perutnya macam belon air. Malam itu, satu kampung panik dengan berita Suraya sudah mahu beranak. Masing-masing berkain pelikat, berkain batik dengan selendang ke rumah ketua kampung. Tidak sabar menanti kelahiran anak Suraya setelah sekian lama dijatuhkan hukuman. Sayup-sayup mereka dengar Suraya menjerit pedih. Ada yang menutup mata kerana jantung berdebar. Kasihan. Kasihan.

Akhirnya, malam itu gamat dengan sorak-sorai orang kampung. Suraya melahirkan anak kembar satu laki-laki, satu perempuan. Ketua kampung melompat gembira. Sudahlah tenaga jantannya masih ampuh, anaknya kembar pula. Benar-benar tuah!

Maka bisinglah malam itu juga dengan tangisan anak-anak kecil yang lain. Mak Limah sudah melahirkan. Bersahut-sahutan tangisan bayi yang sekian lama dibiarkan dalam kandungan. Alangkah gembiranya orang-orang kampung menyambut kelahiran.

Suraya memeluk suaminya dalam tangisan. Dalam kegembiraan suaminya berkata, "Anak-anak kita ini pasti terkenankan orang-orang kampung. Yang laki-laki wajahnya macam Jabar suami Sarimah. Yang perempuan saling tak tumpah macam Leha yang selalu datang mengurut awak. Kita benar-benar terhutang budi dengan mereka."

Suraya mengangguk dan tersenyum. Berpelukanlah mereka suami-isteri seperti pasangan-pasangan lain yang turut sama meraikan.

Di hujung kampung, Siti menyusukan anak keduanya, Leha menangis dalam kemenangan (dan kehilangan). Sarimah dan Jabar - tidak sabar mahu merancang anak ketiga.

### Senandika Langit-Laut

Langit tidak pernah tahu cara mencintai laut, ia hanya ingin menjadi yang paling lapang, menyuluhkan biru pada setiap denyut cuaca. Begitu awan awan berarak, adalah rindu langit-laut; seringkali menyimpan puing puing rahsia paling diam- yang hanya difahami semesta cinta.

Kata langit, "Beginikah caranya mencintai, berbagi tanpa mampu menyeberangi? Dan laut, meski pada jarak ini, tak ada yang benar-benar terpisah. Bukankah kita belum pernah gagal bertemu dan berkisah?"

Aina Nabila Ahmad  
Alam Budiman, Shah Alam

# Pancaroba usahawan taska enam tingkat

Oleh AMIN RIDZUAN ISHAK  
Foto HAFIZ OTHMAN

**K**ETIKA baru memulakan perniagaan taska pada Februari 2013 di Taman Cassia Bandar Putra 2, Klang, Rahmah Safari terasa benar beliau tersalah langkah apabila menceburi bidang pendidikan kanak-kanak.

Hanya seorang murid mendaftar pada bulan pertama, cuma tiga kanak-kanak berikutnya; angka itu tidak mungkin mampu menampung kos operasi. Hanya pada April dan Mei, bilangannya meningkat kepada 40 orang, jumlah yang agak memuaskan.

Namun, selepas berjaya mengharungi tahun-tahun payah, saat mahu mengembangkan taska dan baru tiga bulan berpindah ke lima tingkat sebuah bangunan di Jalan Kebun, Klang pada Januari lalu, Rahmah sekali lagi berdepan pancaroba – kali ini taska terpaksa beroperasi pada tahap minimum, dengan kos maksimum.

Perebakan Covid-19 mengakibatkan kutipan yuran yang lazimnya mencecah RM90,000 berkurangan separuh. Pada masa sama, beliau tidak boleh tidak tetap perlu membayar gaji 27 kakitangannya.

“Ibu bapa hanya membayar 50 peratus daripada yuran bulanan dan bulan berikutnya 30 peratus. Ada juga yang tidak bayar, namun saya memahami keadaan itu yang memberi kesan kepada semua,” kata Rahmah kepada SelangorKini baru-baru ini.

Namun, ibu kepada tiga anak yang juga bekas guru sekolah rendah agama berusia 44 tahun terus bersabar, kekal tenang walau fikirannya ligat mencari jalan penyelesaian.

## Penjarakan fizikal

Rahmah memutuskan untuk menyewa satu lagi tingkat di bangunan sama, menjadikannya taskanya ada enam tingkat. Ini memastikan semua kanak-kanak ditempatkan dalam

satu bangunan, tanpa menyukarkan mereka mematuhi tatacara operasi piawai khususnya penjarakan fizikal.

Akhirnya, mereka kembali beroperasi pada Jun lalu meskipun bilangan keseluruhan kanak-kanak tidak lagi sama, hanya separuh daripada 130 orang boleh ditampung.

“Di sebaliknya kesukaran dan kerugian ketika Perintah Kawalan Pergerakan, sebenarnya ada juga hikmah. Ia menuntun kita lebih kreatif untuk meneruskan mata pencarian dan pada masa sama memastikan keselamatan semua.

“Walaupun perlu mengeluarkan kos tambahan, tidak menga-paskan operasi berjalan seperti biasa dengan kapasiti penuh dan ibu bapa yakin hantar anak-anak,” katanya.

## Pinjaman Hijrah

Sebenarnya, taska di Bangunan D’Kebun mungkin tidak menjadi realiti tanpa bantuan Hijrah Selangor yang meluluskan pinjaman RM50,000. Rahmah juga pernah meminta bantuan RM30,000 untuk membeli van taska.

Sebelum beliau mula menyewa di bangunan itu, Rahmah ada membuat pinjaman pada 2015 ketika mahu memajukan perniagaan dengan membuka taska di perumahan sama beliau memulakan operasi awal.

Itulah pertama kali Rahmah memohon bantuan Hijrah Selangor. Ketika itu, beliau kebuntuan mencari modal pusingan. Namun, jika tidak dikembangkan, Rahmah bimbang usaha kerasnya selama ini tidak ke mana-mana.

Nasibnya baik kerana Rahmah diperkenalkan dengan skim pembiayaan Hijrah Selangor. Beliau kemudian membuat pinjaman RM10,000, sekali gus menunaikan hasratnya untuk membuka cawangan kedua.

Beliau kemudian mengorak langkah lagi dengan mengendali empat taska dan pusat jagaan. Namun, Rahmah berhajat memindahkan operasi yang menempatkan semua kelas dan asrama tenaga pengajar ke satu bangunan. Itulah Bangunan D’Kebun.

Melalui bantuan Hijrah Selangor, beliau memohon pinjaman yang kemudian diluluskan tidak lama kemudian hingga membawanya ke taska enam tingkat.

Tanpa melalui pengalaman sukar ketika membangunkan taskanya, pinjamannya lulus tanpa banyak kerengah, apatah lagi setiap pinjamannya dilunasnya mengikut tempoh, tanpa sebarang kendala.







## Khemah bengkel kenderaan dirampas

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Selangor menyita khemah milik pengusaha bengkel kenderaan di Taman Sri Batu Caves, Gombak.

Pengarah Jabatan Korporatnya berkata tindakan dibuat selepas pengusaha bengkel terbabit meletakkan khemah di kawasan parkir kereta sehingga mengganggu orang ramai.

"Satu notis halangan mengikut Seksyen 46(1)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta133) dikeluarkan kepada pihak berkaitan bagi mengalihkan sendiri halangan itu.

"Bagaimanapun, peniaga gagal berbuat demikian dalam tempoh diberikan," kata Mohamad Zin Masoad pada 12 Ogos lalu.

Beliau berkata peniaga diberi amaran supaya sentiasa mematuhi peraturan seperti dalam syarat lesen perniagaan dan tidak mendirikan atau meletakkan sebarang halangan di kawasan awam.

## Kibar Jalur Gemilang mulai 16 Ogos

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyeru pemilik premis perniagaan, sekolah, kawasan perumahan, bangunan kerajaan dan swasta memasang Jalur Gemilang bermula 16 Ogos sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Ketua bahagian korporat dan perhubungan awamnya berkata ia bertujuan memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga kerja dan masyarakat bagi sambutan ke-63.

"Orang ramai dilarang menggunakan bendera yang lusuh dan koyak bagi menerapkan rasa bangga dan cintakan negara," kata Shahrin Ahmad pada 7 Ogos.

MBSA turut melancarkan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang 2020 dengan memasang bendera pada 30 kenderaan milik majlis itu dan pelbagai agensi lain.

Kempen berkenaan dirasmikan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Haris Kasim di Dataran Shah Alam, Seksyen 14, pada 6 Ogos.



Haris memasang bendera pada kenderaan sebagai simbolik perasmian Kempen Kibarkan Jalur Gemilang MBSA 2020 di Dataran Shah Alam pada 6 Ogos

## Kenderaan berat ganggu lalu lintas

# 17 pemandu dikompaun

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengeluarkan kompaun terhadap 17 pemandu degil yang meletakkan kenderaan berat di taman perumahan walaupun diberi amaran berulang kali dalam operasi pada 4 Ogos lalu.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasanya, Shahrul Hazri Abd Majid berkata kompaun dikeluarkan mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 7(1) Taman (MPK) 2005 yang mewajibkan semua pemilik meletakkan kenderaan mereka di depot.

Kompaun dikeluarkan dalam operasi bersepadu antara MPK, polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Bandar Bukit Tinggi, Taman Istana dan Bayu Perdana.

"MPK sebelum ini sentiasa memantau perkara itu dan telah memberi notis amaran kepada pemilik kenderaan.

"Namun, kesalahan itu masih dilakukan dan

kita terpaksa mengambil tindakan ke atas 17 pemilik atas kesalahan tersebut," katanya pada 7 Ogos lalu.

Dalam operasi itu, polis turut mengeluarkan 16 saman kepada pengguna jalan raya yang mengabaikan isyarat lalu lintas dan enam saman kerana tidak mempunyai insurans perlindungan kenderaan.

JPJ pula mengeluarkan 15 saman atas kesalahan menghalang laluan dan meletakkan kenderaan di tempat dilarang (15) serta masing-masing satu saman kerana tiada insurans dan cermin gelap.



### AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

### NOTIS TENTANG DRAF RANCANGAN TEMPATAN UNTUK PEMERIKSAAN AWAM

#### DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM 2035 (PENGANTIAN)

Menurut Seksyen 13 (2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini diberitahu bahawa salinan Draf Rancangan Tempatan tersebut kini tersedia untuk diperiksa bermula pada tempat, tarikh dan masa seperti berikut:

TEMPAT	TARIKH	MASA
Ruang Legar, Tingkat LG, Wisma MBSA, Majlis Bandaraya Shah Alam, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	27 Julai 2020 hingga 26 Ogos 2020	9.00 pagi hingga 4.00 petang
Pejabat Cawangan MBSA Sg. Buloh, No. 6, Jalan BRP 1/2, Bukit Rahman Putra, Seksyen U20, 40160 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.		
Pejabat Cawangan MBSA Kota Kemuning, No. 2A, Persiaran Anggerik Vanilla, Seksyen 31, Kota Kemuning, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.		
Pejabat Cawangan MBSA Setia Alam, Lot 8014, Persiaran Setia Impian, Seksyen U13, Setia Alam, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.		

Orang awam adalah dijemput untuk memeriksa Draf Rancangan Tempatan tersebut. Cadangan dan pandangan berkenaan dengan Draf Rancangan Tempatan tersebut boleh dibuat secara atas talian menggunakan aplikasi DRT MBSA 2035 melalui platform Google Play Store atau App Store atau layari laman sesawang [rtmbsa2035.mbsa.gov.my](http://rtmbsa2035.mbsa.gov.my) sebelum **26 Ogos 2020**.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

#### DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Shah Alam,  
Tingkat 1, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5522 2748/03-5522 2749 Faks: 03-5513 9471  
Emel: [perancang@mbsa.gov.my](mailto:perancang@mbsa.gov.my)  
[rtmbsa2035@mbsa.gov.my](mailto:rtmbsa2035@mbsa.gov.my)

## Tidak kompromi dengan penyelewengan

**SHAH ALAM** - Anggota penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menjalankan tugas mengikut undang-undang, bukan melindungi kegiatan haram yang bakal menyebabkan mereka dikenakan tindakan.

EXCO Kerajaan Tempatan, Ng Sze Han berkata pentadbiran Kerajaan Negeri yang berlandaskan integriti tidak berkompromi dengan penyelewengan kuasa dan pecah amanah yang hanya merugikan negeri ini.

"Kerajaan Negeri tidak teragak-agak

mengambil tindakan terhadap individu yang disahkan terbabir dalam kesalahan itu.

"Penguat kuasa perlu menjalankan tugas dengan tegas mengikut undang-undang. Kerajaan Negeri juga memerlukan kerjasama orang awam untuk menyampaikan aduan kepada pihak berwajib mengikut saluran disediakan bagi tindakan selanjutnya," katanya pada 11 Ogos.

Sze Han berkata Kerajaan Negeri memperkenalkan dasar yang mengemukakan penempatan anggota penguat

kuasa di sesebuah kawasan bagi mengelakkan mereka terdedah kepada penyalahgunaan kuasa kerana 'menjadi rapat' dengan peniaga.

"Tetapi ia juga bergantung kepada kekuatan anggota kerja di setiap PBT masing-masing," katanya.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menahan empat penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan bagi melindungi perniagaan tanpa lesen di sekitar Sungai Buloh.

### Buka peluang tawaran kerja

# Ekobazar bantu golongan terjejas

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar memuji inisiatif Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan ekobazar bagi membantu golongan terjejas akibat Covid-19.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha tersebut membuka peluang agensi dan syarikat korporat mendekati golongan memerlukan terutama dalam aspek tawaran kerja.

"Satu program yang kreatif kerana sebelum ini ekobazar dianjurkan sempena Hari Tanpa Kenderaan tetapi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan terpaksa dibuat secara terhad.

"Kali ini berdasarkan jemputan dan mereka (peserta) dapat bertemu dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk dapat sokongan serta bantuan," katanya pada 9 Ogos.

Terdahulu, seramai 200 individu menerima sumbangan barang keperluan, pakaian dan baucar pembelian di Kedai Serbaneka 99 bernilai RM100 melalui program Sumbangan Khas Sempena Pasca Covid-19 anjuran MBSA.




**Penerima mengambil barangan keperluan di gerai ekobazar ketika program Sumbangan Khas Sempena Pasca Pemulihan Covid-19 di Dewan Teratai, Shah Alam pada 9 Ogos**

## Penerima bantuan bangkit cari kerja

**SHAH ALAM** - Seramai 200 individu menerima sumbangan barang keperluan, pakaian dan baucar bernilai RM100 melalui program Sumbangan Khas Sempena Pasca Covid-19 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sumbangan berkenaan meringankan beban individu yang hilang pendapatan ketika penularan wabak.



**Mohd Razali Salleh, 44**

"Ketika awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) saya akui agak panik kerana tiada kerja dan ambil keputusan balik ke kampung dan lakukan kerja-kerja kecil. Sekarang dalam proses mencari kerja," katanya



**Rasalechumi Kanagaratnam, 59**

"Program sebegini sangat baik dan sedikit sebanyak membantu golongan terjejas seperti kami. Saya sendiri diberhentikan serta merta pada awal April lalu dan ketika itu masih diberikan gaji," katanya



**Intan Farhana Abdul Rashid, 29**

"Alhamdulillah dengan sokongan diberikan kawan-kawan dan program anjuran MBSA sedikit sebanyak dapat membantu saya," katanya

## MPKL kesal laku musnah kemudahan

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Kuala Langkat (MPKL) kesal dengan perbuatan laku musnah taman permainan di Dataran Banting baru-baru ini.

Yang dipertuannya Dato' Amirul Azizan Abd Rahim berkata ia dikhuatiri mengundang bahaya kepada kanak-kanak ketika menggunakan kemudahan itu.

Beliau menjelaskan MPKL berbelanja RM752,000 pada 2018 dan RM800,000 pada 2019 untuk membaiki peralatan yang rosak.

"Terdapat pengunjung yang membawa masuk basikal atau motosikal di dalam kawasan taman-taman permainan dan dataran.

"Perkara ini nyata jelas melanggar peraturan sedia ada dan boleh mendatangkan bahaya kepada para pengunjung," katanya pada 5 Ogos.

Orang ramai yang mengetahui kejadian laku musnah diminta menyalurkan maklumat melalui talian 03-3187 2825 atau Sistem Pengurusan Aduan Selangor.

## Tiada permit, tujuh peniaga dikompau

**SHAH ALAM** - Majlis Daerah Hulu Selangor menyita alatan niaga tujuh kedai makan yang diletakkan di kaki lima tanpa sebarang permit sekitar Bukit Sentosa, Rawang dalam operasi pada 7 Ogos lalu.

Timbalan yang dipertuannya berkata lima notis kompaun turut dikeluarkan kerana premis kotor, tiada kawalan haiwan perosak serta tidak mengenakan pakaian perlindungan diri.

"Dua premis juga diberi notis penutupan selama 14 hari kerana gagal menjaga kebersihan. Selain itu, kebanyakan kedai makan tidak menguat kuasa arahan penjarakan fizikal," kata Awaluddin Zakaria.

Tindakan sita mengikut Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

Op Tindakan Operasi Piawai selama dua jam turut mendapat kerjasama polis dan Pejabat Kesihatan Hulu Selangor.

## Halang lalu lintas, barang disita

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyita alatan niaga di bahu jalan di Sungai Buloh kerana menghalang lalu lintas dan mengancam keselamatan awam.

Timbalan Datuk Bandarnya Mohd Rashidi Ruslan berkata tindakan sama diambil dua bulan lalu tetapi tidak diindahkan peniaga.

"MBSA sudah memberi teguran dan nasihat tetapi tidak diindahkan. Peniaga juga melanggar arahan Majlis Keselamatan Negara apabila berniaga melebihi waktu operasi dibenarkan," katanya pada 9 Ogos.

Beliau mengulas video tular penguat kuasa cawangan Sungai Buloh yang menyita barang perniagaan di kawasan tersebut, baru-baru ini.

# 'Smart Docket'

## berjaya tumpas sindiket pasir

**P**erniagaan penjualan pasir juga adalah satu bidang perniagaan yang telah lama beroperasi selari dengan pembangunan infrastruktur dan pembinaan di Malaysia. Perlombongan pasir seringkali dikaitkan dengan kontroversi melibatkan operasi dalam penjualan haram, ketidakpatuhan dan ketirisan hasil kepada kerajaan negeri. Perniagaan ini selalunya didominasi oleh syarikat lori pengangkutan yang menjadi orang tengah membekal kepada syarikat pembinaan dan pembancuh konkrit daripada tapak pengeluaran pasir.

Sumber pasir adalah hasil bumi yang dikenakan caj royalti oleh kerajaan negeri berdasarkan dari jumlah yang dikeluarkan. Ia merupakan salah satu sumber pendapatan utama kepada kerajaan negeri di bawah pemantauan dan pengawasan Pejabat Tanah dan Galian Negeri.

Jumlah kerugian dari ketirisan ini amat besar dan ianya merugikan pihak kerajaan di dalam jangka masa panjang bilamana ada pengusaha-pengusaha yang menjual secara haram atau yang tidak mengisytiharkan jualan sebenar.

Atas dasar ketirisan ini pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) telah berkerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dengan mengambil langkah proaktif untuk membangunkan dan menggunakan aplikasi 'Smart Docket' yang pertama di Malaysia.

Aplikasi ini telah dibangunkan oleh pasukan IT KSSB dengan kerjasama syarikat pembekal sistem perisian jambatan timbang pada tahun 2016 mengikut spesifikasi PTGS. Pada tanggal September 2018, sistem ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari untuk digunakan pada semua tapak operasi kuari dan perlombongan di negeri Selangor.

Aplikasi ini telah memenangi beberapa anugerah inovasi dari dalam dan luar negara yang di antaranya adalah Anugerah Emas 'Public Service Innovation Award 2019' di Expo Teknologi Malaysia 2019.

PTGS Sistem Smart Docket

Senarai Keseluruhan Docket

No Kenderaan	Lokasi	Tempat	No Docket	Tgl	Masuk	Masa	Kejuruan
00038745	Kumpulan Semesta	Bestari Jaya Kuala Selangor	BMB4584	15/09/2018	10:45 PM	17:11 PM	21.34
0007767	Kajang Rocks Quarry	Semenyih Hulu Langat	WSE8803	15/09/2018	10:42 PM	10:43 PM	1.6
0007764	Kajang Rocks Quarry	Semenyih Hulu Langat	WVNS570	15/09/2018	10:42 PM	10:42 PM	10.7
0007765	Kajang Rocks Quarry	Semenyih Hulu Langat	MA1334M	15/09/2018	10:41 PM	10:41 PM	1.3
00038744	Kumpulan Semesta	Bestari Jaya Kuala Selangor	BHQ2197	15/09/2018	10:29 PM	11:08 PM	41.44
0007764	Kajang Rocks Quarry	Semenyih Hulu Langat	MA4436X	15/09/2018	10:39 PM	10:39 PM	1.1
0007763	Kajang Rocks Quarry	Semenyih Hulu Langat	3BY4794	15/09/2018	10:38 PM	10:38 PM	4.4
00038743	Kumpulan Semesta	Bestari Jaya Kuala Selangor	B302243	15/09/2018	10:29 PM	11:00 PM	33.7
0007762	Kajang Rocks Quarry	Semenyih Hulu Langat	U118814	15/09/2018	10:27 PM	10:27 PM	4.33
0007761	Kajang Rocks Quarry	Semenyih Hulu Langat	U118814	15/09/2018	10:27 PM	10:27 PM	4.33

**Pantau langsung, cekap rekod data**

Keunikan aplikasi ini adalah dari segi pemantauan secara langsung atau 'Real Time Monitoring' yang membolehkan pihak berkuasa untuk membuat semakan pada setiap pengeluaran melalui sistem kod QR yang tercetak di setiap 'Smart Docket' yang dikeluarkan. Data-data seperti lokasi tapak

pembelian, jumlah muatan, permit perlombongan dan laporan jualan dapat disemak dengan cepat dan tepat melalui penggunaan sistem aplikasi ini.

Aplikasi ini juga turut diperkasakan dengan aplikasi mobil bagi kegunaan pihak penguat kuasa untuk memantapkan keberkesanan integriti unit tersebut.

Penggunaan sistem CCTV bagi tujuan memantau pematuhan lori yang turut dipasang pada seluruh tapak pengeluaran bahan batuan termasuk pasir dan kuari yang dipantau secara berpusat.

**Berjaya kesan aktiviti seludup**

Baru-baru ini, keberkesanan sistem aplikasi ini telah diuji dan terbukti dengan tertumpasnya satu komplot penjualan pasir tanpa docket di salah satu tapak perlombongan di Selatan negeri Selangor. Pihak KSSB melalui 'Smart Docket' telah berjaya mengesan aktiviti pengeluaran pasir dari tapak tanpa menggunakan docket dan pengeluaran pasir sebelum waktu operasi jualan bermula. Tindakan pantas dan keberkesanan sistem aplikasi ini telah dapat menyelamatkan pendapatan kerajaan negeri dari kerugian yang besar.

Pengurusan KSSB amat berbangga dengan pencapaian sistem yang diilhamkan oleh PTGS ini kerana berjaya mengesan pelbagai taktik dari pihak-pihak yang mengelak dari membayar hasil royalti pengeluaran bahan batuan



**Gambar atas: Dashboard Sistem Smart Docket**

**Gambar bawah: Gambaran Sistem CCTV yang digunakan di tapak operasi Gambar kecil: Aplikasi yang digunakan oleh penguatkuasa**

yang sepatutnya.


KSSB juga menganggarkan peningkatan kutipan hasil kepada kerajaan pada masa hadapan walaupun pasaran bahan binaan merudum disebabkan sekatan arahan PKPP, hasil bantuan sistem Smart Docket ini yang memastikan rekod pengeluaran yang lebih telus dan efisien.

Sistem aplikasi ini masih terus dibangunkan dari masa ke semasa bagi memastikan keberkesanan sesuai dengan keadaan pasaran semasa serta tahap keberkesanan di peringkat lagi dengan capaian rangkaian internet yang lebih baik.



e-Perjanjian mesra norma baharu

# Pendigitalan tambah baik operasi LZS



OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menyokong reformasi digital Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang memperkenalkan sistem e-Perjanjian.

Dato' Menteri Besar berkata inisiatif pendigitalan yang dibangunkan dapat menambah baik proses operasi LZS dan selari agenda Selangor ke arah mencapai status Negeri Pintar Serantau pada 2025.

"Pendigitalan dan penyediaan dokumen perjanjian serta tandatangan secara digital pasti meningkatkan produktiviti serta keberkesanan penyampaian kepada pelanggan.

"Inovasi ini juga merupakan mesra norma baharu bagi kumpulan asnaf serta pengeluaran zakat dalam persekitaran

pasca pandemik Covid-19," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 11 Ogos.

Beliau berkata proses kemajuan berterusan akan menyokong ekosistem Smart Selangor dalam mengecapi Revolusi Industri 4.0 yang menuntut komitmen idea dan pelaksanaan.

Menerusi reformasi dokumentasi perjanjian, tempoh pemrosesan diselesaikan dalam tiga hari bekerja sekaligus menjimatkan masa serta memudahkan kerja.

Ini menjadikan LZS sebagai institusi zakat pertama di Malaysia menggunakan sistem digital dokumentasi perjanjian yang dibangunkan dengan kerjasama syarikat Zanko Sdn Bhd dan Raffcomm Group.

## Saling bantu depani norma baharu

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengingatkan semua pihak supaya membantu antara satu sama lain dalam situasi norma baharu.

Peringatan itu dinyatakan Setiausaha-nya, Dr Ahmad Shahir Makhtar menerusi seminar Pasca Covid-19 (Atur Strategi Membangun Ummah) pada 5 Ogos.

"Semua pihak diingatkan berusaha membangunkan ummah walau dalam suasana norma baharu," katanya.

Seminar yang dihadiri 60 peserta menjadi medan maklumat terkini dalam menyusun keutamaan dan strategi baharu bagi memastikan masyarakat terbelah.

Seminar setengah hari diteruskan dengan perkongsian berkaitan tajuk Pasca Covid-19: Implikasi, Prioriti dan Strategi oleh Pegawai Dasar (Ekonomi) Pejabat Dato' Menteri Besar, Dr Mohd Zulkufli Zakaria.

Ia diikuti dengan perkongsian bertajuk "Surviving The Low Touch Economy" oleh Penganalisis Kewangan dan Ekonomi, Prof Madya Aimi Zuhazmi Abdul Rashid.

e-Perjanjian membolehkan proses penyediaan surat pelantikan dan perjanjian dilaksanakan dalam platform elektronik

## Pantau SOP elak masjid, surau ditutup

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) terus memantau pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) di masjid dan surau bagi mengelak penularan Covid-19.

Pengarahnya berkata Jawatankuasa Khas Pemantauan Pematuhan Masjid Surau peringkat negeri akan membuat ketetapan selanjutnya selepas Surau Al-Jannah di Seksyen 23 di sini ditutup serta-merta pada 7 Ogos lalu.

"Beberapa penemuan dalam pemantauan akan dibincangkan dalam jawatankuasa khas untuk diperhalusi.

"Tindakan yang sesuai akan diam-

bil berdasarkan jenis dan bentuk pelanggaran kod ketetapan SOP serta perkembangan semasa penularan di Selangor," kata Mohd Shahzihan Ahmad pada 9 Ogos.

Terdahulu, Surau Al-Jannah diarah tutup selepas seorang jemaahnya dipercayai ada kontak rapat dengan individu positif Covid-19 dari kluster Sivagangga.

Mohd Shahzihan menambah operasi nyahkuman sudah dibuat di surau berkenaan dan tempoh penutupan bergantung kepada keputusan saringan.



Mohd Shahzihan Ahmad

## Sambutan Maal Hijrah belum muktamad

**NILAI** - Kerajaan kini dalam peringkat akhir perbincangan bagi memutuskan sama ada mengadakan majlis sambutan Maal Hijrah peringkat Kebangsaan 1442H/2020M atau sebaliknya, berikutan penularan pandemik Covid-19 yang masih berlaku.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata sambutan Maal Hjrjah yang jatuh pada 20 Ogos ini, merupakan acara kebesaran umat

Islam dan amat penting dalam menyebarkan syiar Islam meskipun ia diadakan dalam skala yang kecil.

"Insya-Allah, kita muktamadkan dan isytiharkan. Kita akan cuba melihat sambutan Maal Hijrah yang mematuhi sepenuhnya tatacara operasi piawai," katanya pada 11 Ogos.

Menurut Zulkifli jika diadakan sambutan Maal Hijrah tahun ini, jumlah peserta dan masa sambutan akan dihadkan. - BERNAMA

**Insya-Allah, kita muktamadkan dan isytiharkan. Kita akan cuba melihat sambutan Maal Hijrah yang mematuhi sepenuhnya tatacara operasi piawai**

**ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**  
Menteri Hal Ehwal Agama

WAKTU SOLAT SELANGOR							
13 - 19 OGOS 2020							
23 - 29 ZULHIJAH 1441							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Khamis	5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:38
14 Jumaat	5:51	6:01	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38
15 Sabtu	5:51	6:01	7:10	1:20	4:37	7:27	8:38
16 Ahad	5:51	6:01	7:10	1:20	4:36	7:26	8:37
17 Isnin	5:51	6:01	7:10	1:20	4:35	7:26	8:37
18 Selasa	5:51	6:01	7:09	1:20	4:35	7:26	8:36
19 Rabu	5:51	6:01	7:09	1:20	4:34	7:25	8:36
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Khamis	5:53	6:03	7:12	1:24	4:40	7:30	8:41
14 Jumaat	5:53	6:03	7:11	1:23	4:40	7:30	8:41
15 Sabtu	5:54	6:04	7:11	1:23	4:39	7:29	8:41
16 Ahad	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40
17 Isnin	5:53	6:03	7:11	1:23	4:38	7:29	8:40
18 Selasa	5:53	6:03	7:11	1:23	4:37	7:29	8:39
19 Rabu	5:53	6:03	7:11	1:22	4:37	7:28	8:39
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Khamis	5:52	6:02	7:11	1:21	4:39	7:27	8:38
14 Jumaat	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38
15 Sabtu	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38
16 Ahad	5:52	6:02	7:11	1:21	4:37	7:26	8:37
17 Isnin	5:52	6:02	7:11	1:21	4:37	7:26	8:37
18 Selasa	5:52	6:02	7:11	1:20	4:36	7:26	8:36
19 Rabu	5:52	6:02	7:10	1:20	4:35	7:25	8:36



## B40 meningkat akibat Covid-19

**SUBANG JAYA** - Jumlah rakyat berpendapatan rendah (B40) di negeri ini meningkat susulan penularan Covid-19, kata EXCO kerajaan prihatin.

V Ganabatirau berkata ramai individu hilang kerja dan pendapatan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kerajaan Selangor rancang pelbagai lagi inisiatif untuk basmi kemiskinan negeri ini terutama golongan miskin bandar yang dilihat lebih susah berbanding luar bandar," katanya pada 11 Ogos.

Pada 15 Julai lalu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM413.9 juta menerusi pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin bagi menangani dampak penularan pandemik itu.

## 39 kuil dapat dana bantu rakyat

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM345,000 kepada 39 rumah ibadat bukan Islam (kuil) di Selangor bagi membantu keluarga terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

EXCO Kerajaan Prihatin V Ganabatirau berkata bantuan fasa ketiga dan keempat membolehkan kuil menjalankan aktiviti selain menambah baik keperluan institusi terbabit.

"Berbanding tahun-tahun sebelum ini, Kerajaan Selangor meletakkan satu garis panduan supaya bantuan minimum kepada kuil sebanyak RM3,000, pertengahan (RM5,000) dan RM10,000 maksimum," katanya pada 10 Ogos.

## Peniaga 'puas' tolong penduduk susah

# Jual ikan serendah RM1 sekilo

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Seorang peniaga di Kuala Selangor menjual ikan dengan harga serendah RM1 sekilo bagi membantu penduduk terjejas akibat Covid-19.

Norhamizah Nordin, 35, berkata inisiatif itu membolehkan orang ramai terutama golongan berpendapatan rendah (B40) mendapat ikan segar pada harga murah.

"Setiap hari beberapa jenis ikan seperti cencaru dan selar dijual RM1 sekilo pada masa tertentu bermula hari ini (9 Ogos). Ikan segar diambil terus dari nelayan.

"Jualan ini akan berterusan kerana kita tahu ramai penduduk hilang punca pencarian dan pendapatan terjejas akibat pandemik itu. Walaupun tidak mendapat pulangan berganda tapi kami puas dapat membantu penduduk,"



Norhamizah (tengah) menunjukkan hasil laut yang dijual serendah RM1 sekilo kepada penduduk tempatan

katanya.

Perniagaan bersama dua rakan, Mohd Zulakmal Jamaludin dan Muhammad Shahrul Nizam turut menjual hasil laut lain pada harga lebih rendah daripada pasaran.

"Dalam masa sama kami juga menjual hasil petani sekitar kawasan ini kerana banyak lambakan sayuran tidak terjual.

"Kami akan pastikan hasil laut serta sayuran dijual segar dan harga tidak membebankan penduduk," katanya.

**Azizah meninjau pameran Karnival Kerjaya Pandan 2020 di Kuala Lumpur pada 9 Ogos**



## Karnival tawar 500 peluang kerja

**KUALA LUMPUR** - Program Karnival Kerjaya Pandan 2020 yang dianjurkan pada 9 Ogos lalu menawarkan kira-kira 500 peluang pekerjaan dalam usaha membantu sektor terjejas akibat Covid-19.

Ahli Parlimennya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata karnival bimbingan kerjaya selama sehari itu diharap dapat mem-

bantu individu yang kehilangan pekerjaan membina semula kerjaya.

"Harapan kami, karnival ini dapat menemukan mereka yang memerlukan pekerjaan dengan majikan yang mempunyai pekerjaan untuk ditawarkan," katanya.

Beliau berkata karnival tersebut menawarkan sesi temu duga,

sesi taklimat bersama majikan, sesi panduan membuat permohonan kerja berkualiti, khidmat nasihat perburuhan dan kaunseling serta pengurusan kewangan.

Katanya, peserta yang hadir layak untuk menyertai dan mendaftar dengan Inisiatif Peduli Rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor. - BERNAMA



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

NO. TENDER	KETERANGAN
1. TBA	TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL AND PROVIDE WARRANTY FOR 50 NOS OF HANDHELD GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM (GNSS) COMPLETE WITH CUSTOMIZATION DATA COLLECTION SOFTWARE TO PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
2. TBA	INTELLIGENT COMM AND CENTRE (ICC) MODERNIZATION EXPANSION: TO DESIGN, SUPPLY, INSTALL, INTEGRATE, COMMISSION 200 SITES AUTO CONTROL PUMP HOUSE RTU WITH SMART APP NOTIFICATION AND PROVIDE SUPPORT, WARRANTY FOR SMART WATER NETWORK SYSTEM WITH 1+1+1 YEAR CONTRACT AT PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
3. PN0000003607	SUPPLY, DELIVER, CONFIGURE, TEST, COMMISSION AND PROVIDE ANNUAL MAINTENANCE SUPPORT (AMS) FOR IMPLEMENTATION OF ENTERPRISE IT SERVICE DESK & ASSET MANAGEMENT SYSTEM

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/service/tenderlists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan Air Selangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/business-with-us/contractor-vendorsupplier-plumber-registration-guideline> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah percuma.

Tujuh peserta berentap di SUKMA Johor 2020

# Atlet tinju Selangor sasar satu emas

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Selangor akan menghantar tujuh atlet tinju dengan sasaran satu pingat emas pada Sukan Malaysia (SUKMA) Johor tahun depan.

Jurulatihnya, Mohd Nazwan Shah berkata sesi latihan di Seksyen 7 berjalan lancar walaupun perlu mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).

"Semasa Perintah Kawalan Pergerakan tempoh hari semua atlet perlu menghantar video latihan harian kepada saya. Sekarang sesi latihan masih berjalan seperti biasa cuma belum bebas dan tiada latihan berpasangan berbanding sebelum ini," katanya pada 11 Ogos.

Beliau menambah kali terakhir Selangor meraih pingat gangsa pada SUKMA 2016 di Sarawak dan tiada kemenangan di Perak pada 2018.

SUKMA Johor 2020 yang sepatutnya berlangsung pada 11 hingga 19 Julai lalu ditunda pada 6 hingga 14 Mac 2021, manakala Para SUKMA dijadualkan pada 5 hingga 10 April tahun depan.

Selangor menyasarkan kutipan 45 pingat emas, 40 perak dan 40 gangsa pada kejohanan tersebut.



Atlet Selangor giat berlatih bagi memastikan sasaran tercapai

## Luqman lengkapkan langkah ke Belgium

**KUALA LUMPUR** - Pemain bola sepak remaja sensasi negara Luqman Hakim Shamsudin pada 6 Ogos lalu melengkapkan proses perpindahannya ke kelab profesional Belgium, KV Kortrijk apabila mengikat kontrak lima tahun bersama kelab tersebut.

Pada usia 18 tahun, Luqman Hakim

pemain utama skuad Bawah 19 (B-19) Kebangsaan menjadi rakyat Malaysia pertama bermain di liga perdana Belgium.

Difahamkan, Luqman Hakim menerima pendapatan sekitar RM20,000 hingga ke RM23,000 sebulan, selain disediakan pangsupuri dan kereta.

Beliau diperkenalkan sebagai seorang pemain 'De Kerels' pada satu majlis yang turut dihadiri pemilik KV Kortrijk Tan Sri Vincent Tan, Duta Besar Belgium ke Malaysia Pascal H Gregoire dan Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) Dr Johan Kamal Hamidon.

"Satu perkara bersejarah untuk bola sepak Malaysia, beliau mungkin rakyat Malaysia pertama bermain di Eropah dan pemain Malaysia bermain dalam liga perdana Belgium.

"Ia satu keputusan besar buat kelab, pihak pengurusan juga merasakan ia terlalu awal, tetapi saya sebagai pemilik meminta beliau (Luqman Hakim) diberikan peluang," kata Tan.

Sementara itu, Luqman gembira menyertai pasukan itu selepas perbincangan berbulan, termasuk laporan yang mengaitkan beliau dengan beberapa kelab Eropah.

"Saya rasa amat bangga dan bersyukur diberi peluang untuk bermain di sana. Jadi saya harap rakyat Malaysia berdoa semoga saya dapat bermain dengan 100 peratus," kata pemain kelahiran Kota Bharu. - BERNAMA



Vincent Tan (dua, kiri) bersama Luqman Hakim (dua, kanan) selepas majlis menandatangani Kontrak Profesional selama 5 tahun dengan Kelab Belgium KV Kortrijk pada 6 Ogos. Foto BERNAMA

## Amirudin anggap 16 angka unik

**SUBANG JAYA** - Dato' Seri Amirudin Shari menerima hadiah jersi Liverpool bernombor 16, angka yang sinonim dengan dirinya.

Beliau adalah Dato' Menteri Besar ke-16 dan wakil rakyat Dewan Undangan Negeri Sungai Tua, sebelum ini dikenali sebagai Batu Caves, yang ditandai Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai N16.

"Pada 2016 kali terakhir saya menjadi pengurus pasukan Selangor dan selepas itu saya tidak terlibat secara langsung dengan bola sepak negeri," katanya merujuk keunikannya angka itu.

Jersi itu disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Ikhsan Sports, Vach Pillutla pada pelancaran jersi Liverpool di kedai sukan Al-Ikhsan di Sunway Pyramid pada 6 Ogos.

Amirudin adalah peminat setia pasukan yang muncul juara Liga Perdana Inggeris (EPL), penyandang juara Liga Juara-Juara Eropah dan juara Kelab Sedunia pada musim ini.

Baru-baru ini, beliau menyingkap jalan berliku yang dilalui Liverpool dalam tulisannya di SelangorKini pada hari sama The Reds, nama jolokan pasukan itu, sebaik sahaja menerima piala kejuaraan EPL pada 23 Julai lalu.

Dalam skuad Liverpool, jersi nombor 16 disarung pemain Marko Grujic, antara pemain awal yang dibeli sebaik sahaja Jurgen Klopp menerajui kelab itu pada 2016.

## Bekas pemain negeri, KDEB-WP kutip dana

**KUALA LUMPUR** - Bagi membantu meringankan kos rawatan bekas pemain kebangsaan era 70-an, Mohd Shah Alias Norbit, beberapa bekas pemain Selangor dan syarikat KDEB Waste Management Sdn Bhd mengadakan satu perlawanan amal di Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya pada 9 Ogos.

Jurucakap Unit Kebajikan Persatuan Bola Sepak Selangor Zulkifli Mohamed berkata perlawanan itu antara usaha mereka membantu mengurangkan kos rawatan penyakit angin ahmar serta kencing manis yang dihadapi Mohd Shah Alias sejak beberapa tahun lepas.

Perlawanan berkenaan berakhir dengan keputusan seri 2-2.

"Kita berharap agar lebih banyak lagi syarikat koporat tampil ke hadapan bersama kita dalam meneruskan usaha murni ini sebagai satu daripada usaha menghargai jasa bekas pemain negeri yang suatu masa dahulu pernah mewarnai dan menyumbang kepada sukan bola sepak tanah air," katanya.

Zulkifli memaklumkan perlawanan amal berkenaan diteruskan dalam tempoh terdekat melibatkan bekas pemain Selangor dan Terengganu pada 15 Ogos ini di Kuala Terengganu dan ia diadakan bertujuan mengutip dana bagi membantu dua bekas pemain Terengganu iaitu Mohd Fadali Jalil dan Rosli Ishak yang kini terlantar sakit. - BERNAMA



**ANGKA SIMBOLIK...** Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari (kanan) menerima jersi terbaharu Liverpool FC musim 2021 bernombor 16 yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Ikhsan Sports Vach Pillutla di Sunway Pyramid, Petaling Jaya pada 6 Ogos. BERITA MUKA 23

Baiki kelemahan sebelum liga bersambung

# Sathianathan puas hati

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - B Sathianathan berpuas hati dengan persembahan anak buahnya ketika menewaskan Pulau Pinang 4-1 dalam perlawanan persahabatan di Pusat Latihan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) pada 5 Ogos.

Bagaimanapun, beberapa kelemahan perlu diatasi segera menjelang aksi CIMB Liga Super yang disambung 26 Ogos ini.

"Saya gembira dengan persembahan pemain yang memberi komitmen tinggi. Walaupun menang 4-1 saya rasa kita boleh perbaiki beberapa perkara selepas ini," kata jurulatih Red Giants.

Beliau mengakui pemain masih sukar mendapatkan rentak sebenar terutama dari segi hantaran dan larian dengan bola apabila beraksi buat pertama kali



**Perlawanan persahabatan antara Selangor dan Pulau Pinang pada 5 Ogos lalu merupakan perlawanan bola sepak profesional pertama pasca PKP yang berlangsung mengikut SOP**

sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Sementara itu, FAS mendapat kebarangkalian daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menggunakan stadium miliknya bagi saingan liga musim

hadapan.

Setiausaha agung FAS Dr Johan Kamal Hamidon memaklumkan persetujuan lisan dicapai hasil pertemuan sejam bersama Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi Bakar pada 10 Ogos.

## e-sukan Mobile Legend buru emas

**SHAH ALAM** - Selangor menyoal pingat emas dalam e-sukan Mobile Legend: Bang Bang, yang pertama kali dianjurkan pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA).

Jurulatihnya Mohammad Al Hatta Shokri berkata pihaknya mengatur strategi terbaik untuk beraksi di Johor tahun depan dengan harapan diletakkan kepada tujuh pemain.

"Kita ada tujuh pemain dan saya memberi tumpuan sepenuhnya kepada mereka supaya dapat beraksi dengan baik. Sasaran mesti dapat emas. Saya atur strategi, selebihnya bergantung kepada mentaliti mereka untuk menang," katanya pada 10 Ogos.

Beliau berkata, tiga pemain akan beraksi dalam Liga Profesional Mobile Legend selama dua bulan bermula 28 Ogos ini sebagai persediaan awal.

Mohammad Al Hatta menjelaskan liga bertaraf antarabangsa itu menjadi landasan pemain menimba pengalaman di samping meningkatkan kemahiran mengawal tekanan dan membaca strategi lawan.

## RM250 juta baiki Stadium Shah Alam

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri masih meneliti kerosakan di Stadium Shah Alam sebelum mengeluarkan perbelanjaan untuk menaik taraf tempat berkenaan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata kos untuk menggantikan bumbung polikarbonat serta pendawaian elektrik padanya mencecah RM30 juta dan mencecah RM250 juta sekiranya menaik taraf keseluruhan stadium.

"Saya selalu berbincang dengan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) untuk baiki stadium. Memang perlukan masa agak panjang, paling tidak untuk ubah bumbung sahaja mengambil masa antara empat sehingga enam bulan untuk disiapkan.

"Sebab itu kita minta pasukan Selangor berpindah sementara ke Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebelum kembali ke Stadium Shah Alam pada 2022 atau 2023," katanya pada 6 Ogos.

Selangor mempertimbang sama ada menggunakan Stadium UiTM di Shah Alam atau Stadium MBPJ di Kelana Jaya bagi mengharungi baki saingan Liga Malaysia dan Piala Malaysia musim ini, memandangkan keadaan bumbung Stadium Shah Alam yang uzur. - BERNAMA